

meningkatkan pencapaian

LAPORAN
KORPORAT

2010

...menerusi inovasi & renovasi



Laporan Tahunan 2008 kami yang bertema “Menuju ke Arah Kesejahteraan” melambangkan perjalanan kami ke arah Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan dan pada tahun 2009, Laporan Tahunan kami yang bertema “Inspirasi Khasiat dari Alam Semulajadi” mencerminkan pemilihan bahan-bahan dari alam semulajadi bagi menghasilkan produk yang terbaik bagi para pengguna kami.

Dengan bertemakan “Meningkatkan pencapaian menerusi Inovasi & Renovasi”, Laporan Tahunan kami tahun ini pula menggambarkan usaha kami dalam menawarkan yang terbaik bagi pengguna-pengguna kami serta memastikan keperluan semua pihak berkepentingan kami dipenuhi.

Mempertingkatkan taraf teknologi inovasi dan renovasi kami untuk menghasilkan produk yang berkhasiat, lazat, mudah disediakan dan berkualiti tinggi bagi para pengguna kami.



Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-27

Pusat Konvensyen Sime Darby,
1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur
pada hari Khamis, 21 April 2011 pada jam 10.00 pagi.

kandungan

- 12 Kenyataan Pengerusi
- 18 Ulasan Perniagaan Pengarah Urusan
- 28 Produk-produk Baru
- 34 Sorotan Utama 2010
- 42 Nestlé di dalam Berita
- 44 Erti Menjana Nilai Bersama bagi Kami
- 46 Lembaga Pengarah
- 48 Data Korporat
- 49 Profil Lembaga Pengarah
- 56 Kumpulan Pengurusan
- 60 Kenyataan Tadbir Urus Korporat
- 82 Penyata Mengenai Kawalan Dalaman
- 84 Laporan Jawatankuasa Audit
- 86 Terma-terma Rujukan bagi Jawatankuasa Audit
- 88 Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Borang Proksi





12

Kenyataan
Pengerusi



18

Ulasan
Perniagaan
Pengarah Urusan




28

Produk-produk
Baru



34

Sorotan
Utama 2010



42

Nestlé di
dalam Berita




46

Lembaga
Pengaruh




56

Kumpulan
Pengurusan







Minuman malt coklat MILO menawarkan khasiat malt barli. Ia mengandungi PROTOMALT, iaitu sejenis ekstrak malt yang mempunyai karbohidrat kompleks yang membekalkan tenaga yang diperlukan oleh badan.

Kanak-kanak sedang menikmati minuman MILO kegemaran mereka sebelum sesi peluncuran.

Belia menikmati produk-produk Nestlé kegemaran mereka seperti Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS, wafer KIT KAT dan Yogurt NESTLÉ Tanpa Lemak.



Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS baru mengandung Inulin (serat) yang boleh mengekalkan sistem penghadaman yang baik apabila ia digabungkan dengan Kultur Hidup. Setiap Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS tidak mengandungi pewarna tiruan.



Waktu makan bersama keluarga lebih
berkhasiat dan menyenangkan dengan
mi MAGGI TASTYLITE Atta kegemaran anda.



Kami menawarkan para pengguna pilihan yang lebih berkhasiat melalui inovasi mi MAGGI TASTYLITE Atta yang diperbuat daripada tepung gandum.





Kopi NESCAFÉ
memeriahkan lagi
saat-saat yang diluangkan
bersama rakan-rakan.

Kopi disukai ramai dan diminum dalam pelbagai cara. Pada tahun 2010, kami memperkenalkan kopi NESCAFÉ CLASSIC dan kopi pracampur NESCAFÉ 3dalam1 serta NESCAFÉ MENU yang menawarkan perisa kegemaran ramai seperti “Ipoh White Coffee”, “Tarik” dan “NESLO”.



Kami meneruskan polisi dan strategi kami untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai syarikat peneraju dunia dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan.

Kenyataan Pengerusi



**Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol
Anwar Jamalullail**
Pengerusi

Kenyataan Pengerusi

KEPUTUSAN / PRESTASI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan Nestlé (Malaysia) Berhad bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010.

Tahun 2010 bermula dengan baik disebabkan pertumbuhan positif dalam ekonomi global dan ekonomi Malaysia yang menampakkan proses pemulihan yang ketara. Menerusi perancangan yang baik dan polisi ekonomi Kerajaan yang berhemat, kami menyaksikan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 8.1% dalam sembilan bulan pertama, dan berakhir dengan 7.2% untuk keseluruhan tahun.

Bank Negara sangat berjaga-jaga berhubung ketidaktentuan luaran dan mengambil langkah sewajarnya dalam mentadbir polisi kewangannya bagi melindungi dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Hasilnya, Ringgit menunjukkan prestasi yang sangat baik pada tahun 2010 dan antara kumpulan matawang kukuh yang penting untuk tahun berkenaan.

Model Ekonomi Baru (NEM), yang dibentangkan oleh Kerajaan sepanjang tahun ulasan, turut memainkan perannya dalam pertumbuhan berterusan negara. Pada dasarnya, NEM menyediakan pelan untuk Transformasi Ekonomi Malaysia serta merumuskan strategi baru untuk negara mencapai status pendapatan tinggi menjelang 2020.

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2010, Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM4.0 bilion, hasil daripada prestasi kukuh kategori perniagaan eksport dan produk domestik.

Senario positif tersebut mengukuhkan keyakinan pengguna, dan ini sekali gus menyediakan dorongan baru kepada Kumpulan. Sepanjang tahun ulasan, kami meneruskan polisi dan strategi kami untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai syarikat peneraju dunia dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan. Diketahui oleh satu pasukan yang memiliki minat yang mendalam dan dinamik, kami telah melaksanakan langkah penting dalam memenuhi pilihan dan keperluan pengguna, mengurangkan pembaziran, meningkatkan kecekapan dan mempertingkatkan inovasi dan renovasi produk kami secara berterusan.

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2010, Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM4.0 bilion, 7.5% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lalu, hasil daripada prestasi kukuh kategori perniagaan eksport dan produk domestik.

Keputusan kami untuk melabur lebih daripada separuh bilion ringgit dalam perbelanjaan modal sejak tiga tahun ini membuahkan hasil yang positif, apabila kami membina keupayaan kami untuk

memenuhi perkembangan permintaan domestik serta negara jiran Asia berikutan lonjakan ekonomi negara masing-masing sepanjang tahun 2010.

Pelaburan baru dalam mesin pengeluaran untuk kopi mudah larut dan krimer kopi membolehkan perniagaan eksport berkembang dan memperoleh permintaan luar negara yang tinggi. Penghantaran ke negara-negara Asia Tenggara, khususnya, telah menyumbang secara positif kepada pertumbuhan dua angka yang teguh bagi perniagaan eksport.

Peningkatan ekonomi Malaysia menyaksikan kebanyakan kategori produk domestik kami terus menunjukkan prestasi yang baik, dengan Minuman Cecair dan Tenusu Dingin Nestlé mencapai pertumbuhan dua angka. Daripada perspektif saluran jualan, kedua-dua jualan runcit dan luar rumah menikmati pertumbuhan yang baik.

Sepanjang tahun berkenaan, Kumpulan kekal fokus kepada pengurusan aliran yang tidak menggalakkan dalam kos input. Pada tahun 2010, harga purata untuk serbuk koko lebih daripada sekali ganda berbanding tahun sebelumnya manakala serbuk susu skim lebih tinggi sebanyak 20%. Inisiatif Kumpulan termasuk program

Kecemerlangan Berterusan Nestlé (NCE) dengan tumpuan kepada pembaziran sifar dan memperkemarkan operasi, ditambah dengan Ringgit yang lebih kukuh memberi kelegaan berbanding peningkatan mendadak harga komoditi.

Tahun ulasan turut menyaksikan kami terus melabur dalam jenama kami untuk mengekalkan posisi hadapan dan meraih penguasaan pasaran. Kempen "MILO with PROTOMALT" dan "MILO PLAY MORE LEARN MORE" terus mengukuhkan imej jenama MILO di kalangan pengguna. Rangkaian produk NESCAFÉ CLASSIC dan NESCAFÉ 3dalam1 telah dilancarkan semula dengan sokongan kuat media, yang membolehkan peningkatan penguasaan pasaran. Meskipun terdapat pelaburan yang tinggi dalam aktiviti pembinaan jenama, jumlah perbelanjaan operasi kami tetap tidak melebihi bajet.

Daripada perspektif keuntungan, keuntungan sebelum cukai berada pada RM465.7 juta, satu peningkatan sebanyak 5.8% berbanding tahun kewangan 2009, pengurangan margin sebanyak 20 mata asas.

Insentif cukai Halal berkaitan dengan pelaburan modal besar untuk tiga tahun ini telah membantu mengurangkan kadar cukai efektif. Berbanding tempoh yang sama tahun lalu, keuntungan bersih meningkat sebanyak 11.3% kepada RM391.4 juta, peningkatan margin sebanyak 30 mata asas.

MENJANA NILAI BERSAMA

Pada tahun 2012, Nestlé akan meraikan tahun ke-100nya di Malaysia. Selama beberapa tahun ini, Kumpulan telah menyaksikan negara ini berkembang maju daripada cabaran zaman kolonial dan tahun-tahun awal kemerdekaan, sehinggalah kemajuan perindustrian dan perkembangan pesat sejak 30 tahun lalu.

Pertumbuhan Kumpulan syarikat Nestlé mencerminkan pembangunan negara, dan pelaburan modal kami yang berterusan adalah bukti kepada kepercayaan dalam potensi dan polisi ekonomi yang baik negara ini. Kami mempunyai matlamat untuk memainkan peranan penting semasa negara ini dalam perjalanannya ke arah 2020.

Namun begitu, sumbangan Kumpulan menjangkau kemajuan ekonomi dan diperluaskan kepada pematuhan dan kemampanan. Di Nestlé kami telah menilai rangkaian nilai kami dan menetapkan bahawa bidang potensi terbesar untuk pengoptimuman nilai bersama masyarakat adalah Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Bidang-bidang ini adalah teras kepada strategi perniagaan kami dan penting kepada kebajikan anggota daripada setiap masyarakat tempat kami beroperasi.

Air perlu untuk pengeluaran makanan, Khasiat Pemakanan penting untuk kesihatan yang baik dan Pembangunan Luar Bandar membantu masyarakat untuk berkembang maju.

Kesejahteraan para pengguna kami kekal sebagai tumpuan utama ketika kami meneruskan perjalanan ke arah matlamat kami untuk menjadi syarikat peneraju dunia dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan. Menerusi persidangan dengan pengguna dan pihak berkepentingan, kami telah berusaha untuk berkongsi pengetahuan dan sumber kami.

Kami menyokong sepenuhnya usaha Kerajaan untuk menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif, dan kami bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) untuk lebih memahami penggunaan makanan dari segi pengambilan khasiat dan tabiat pemakanan kanak-kanak sekolah rendah. Usaha berterusan kami untuk menambahbaik profil pemakanan produk kami turut menyaksikan kemajuan dengan

pengurangan gula, sodium atau asid lemak trans dan menghapuskan pewarna tiruan daripada produk-produk kami.

Usaha kami dalam Menjana Nilai Bersama (CSV) turut diberi perhatian apabila tahun ulasan ini menyaksikan kami meraih beberapa pengiktirafan dan anugerah. Dalam Kaji Selidik The Wall Street Journal Asia 200, Nestlé Malaysia disenaraikan antara 10 syarikat utama di kalangan semua syarikat di Malaysia, dan mengekalkan kedudukan kami di tempat kedua sebagai syarikat paling dikagumi di Malaysia.

Nestlé (Malaysia) Berhad juga adalah pemenang Asia Responsible Entrepreneurship Awards 2010 (AREA) Malaysia di bawah kategori Penglibatan Komuniti, untuk mengiktiraf organisasi yang telah menunjukkan usaha yang amat baik, ketekunan dan semangat dalam inisiatif tanggungjawab sosial korporat.

DIVIDEN

Memandangkan prestasi kukuh pada 2010, Lembaga pengarah telah mencadangkan dividen bersih akhir sebanyak RM1.15 sesaham, memberikan jumlah dividen bersih dicadangkan dan diisytiharkan untuk tahun kewangan ini sebanyak RM1.65 sesaham. Jumlah berkenaan menunjukkan satu peningkatan sebanyak 10% berbanding 2009.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan saya kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas peranan mereka dalam mencapai prestasi kukuh Kumpulan sepanjang tahun ini, dan kepada para pengedar dan pelanggan kami atas sokongan berterusan dan kesetiaan kepada jenama kami. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada rakan pengarah atas nasihat mereka yang bijaksana dan sokongan yang berterusan.

Tahun 2010 kami menyaksikan persaraan Tan Sri Dato' Ernst Zulliger daripada Lembaga Pengarah. Sebelum perlantikannya sebagai ahli Lembaga pengarah pada 1983, Tan Sri Dato' Ernst Zulliger berkhidmat dalam Kumpulan Syarikat Nestlé di seluruh dunia untuk tempoh yang agak lama, selama 37 tahun dengan kedudukan terakhirnya sebagai Pengarah Urusan Nestlé Malaysia antara 1980 sehingga 1990. Sepanjang tempoh perkhidmatannya di Malaysia, beliau bertanggungjawab untuk menyenaraikan Syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur (kini Bursa Malaysia). Saya ingin merakamkan penghargaan atas sumbangannya yang begitu berharga kepada Syarikat dan mengucapkan selamat maju jaya dalam persaraannya.

Kenyataan Pengerusi

Pertumbuhan Kumpulan syarikat Nestlé mencerminkan pembangunan negara, dan pelaburan modal kami yang berterusan adalah bukti kepada kepercayaan dalam potensi dan polisi ekonomi yang baik negara ini.



Peter Vogt
Pengarah Urusan

Penguasaan pasaran dan imej jenama adalah langkah penting untuk menilai kebetahan perniagaan kami. Sejak 12 bulan lalu, Kumpulan telah berupaya untuk mengembangkan keseluruhan penguasaannya dalam kategori makanan di mana kami beroperasi.

Ulasan Perniagaan Pengarah Urusan

TINJAUAN

Persekitaran operasi kami menunjukkan peningkatan yang besar pada tahun 2010 disebabkan pemulihan ekonomi global secara amnya dan lonjakan kukuh ekonomi rakyat Malaysia khususnya. Pengembangan sebanyak 7.2% KDNK Malaysia digambarkan dalam peningkatan keyakinan pengguna dan pembelian pelanggan yang lebih tinggi dalam semua kategori makanan.

Penguasaan pasaran dan imej jenama adalah langkah penting untuk menilai kebetahan perniagaan kami. Sejak 12 bulan lalu, Kumpulan telah berupaya untuk mengembangkan keseluruhan penguasaannya dalam kategori makanan di mana kami beroperasi. Ini telah dicapai menerusi sokongan pemasaran yang kukuh merangkumi kesemua jenama utama kami, inovasi dan renovasi yang berhasil bagi pelbagai rangkaian produk kami serta meningkatkan aktiviti promosi dalam sektor dagangan. Kami juga gembira untuk mengumumkan bahawa Pemantauan Ekuiti Korporat tahunan kami menunjukkan penambahbaikan dalam komponen utama imej Nestlé, terutamanya daripada aspek kepercayaan, kepakaran pemakanan dan sebagai pengeluar produk menyihatkan.

Sejajar dengan matlamat kami untuk menjadi syarikat peneraju dunia dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, kami terus menambahbaik dan mempertingkatkan rangkaian produk kami. Cabaran dalam tugas ini adalah untuk mengukuhkan profil pemakanan produk menerusi pengurangan dalam paras gula atau sodium, pengukuhan vitamin dan mineral atau penghapusan pewarna tiruan dan pada masa yang sama, mencapai profil cita rasa yang digemari. Kami berupaya untuk mencapainya menerusi pemahaman yang mendalam berhubung keperluan dan aspirasi pengguna tempatan ditambah dengan kepakaran global dan pelaburan dalam R&D Nestlé, yang mampu kami gunakan dalam kilang setempat kami. Sebagai tambahan, kami telah memperbaharui usaha kami dalam mendidik pengguna mengenai pemakanan

dan kesihatan dengan memperkenalkan maklumat Garis Panduan Jumlah Harian (Guideline Daily Amounts) di bahagian hadapan bungkusan, mengukuhkan mesej pemakanan berkhasiat di belakang bungkusan dan mempromosikan kempen kesihatan di laman web kami dan menerusi media tradisional.

Peningkatan kos komoditi untuk kebanyakan bahan mentah utama kami menjadi tumpuan penting bagi Kumpulan. Dengan memanfaatkan rangkaian pembelian komoditi seluruh dunia Nestlé, kami berupaya untuk melengahkan dan mengawal kesan beberapa kenaikan harga mendadak dalam pasaran komoditi. Dalam konteks ini, inisiatif Kecemerlangan Berterusan Nestlé (NCE) sangat penting untuk meningkatkan kecekapan operasi kami dan pada masa yang sama menghapuskan kerugian dengan matlamat utama pembaziran sifar. Aktiviti-aktiviti ini sekali lagi telah menjana penjimatan operasi yang besar dan bersama-sama dengan pengukuhan Ringgit, menyediakan kelegaan terhadap tren harga negatif dalam bahan-bahan mentah utama kami.

Satu lagi inisiatif penting adalah meneliti, memperkemas dan mengukuhkan operasi yang menjana permintaan. Kami telah menyusun semula operasi jualan kami daripada tumpuan geografi kepada tumpuan saluran, meluaskan pembeli, pelanggan dan pasukan saluran kami, memberi tumpuan semula organisasi pengurusan jenama kami dan menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap unit. Menerusi penyusunan semula ini kami lebih dekat dengan pengguna, pembeli dan pelanggan justeru, meningkatkan kualiti aktiviti pemasaran dan kepantasan kami ke pasaran. Sejak dua belas bulan lalu kami juga telah mengurangkan paras stok dalam saluran pengedaran hampir 10 hari, dan ini menghasilkan stok lebih segar di peringkat kedai, serta mengurangkan kos pembiayaan untuk pengedar kami.

Keputusan strategik Kumpulan sejak tiga tahun lalu untuk melabur dalam keupayaan pengeluarannya telah menjana hasil yang positif. Disebabkan pelaburan besar (mesin pengeluaran baru untuk kopi mudah larut dan krimer kopi) perniagaan eksport telah berkembang dan kami berjaya memperolehi permintaan kukuh daripada pasaran utama luar negara, terutamanya Asia Tenggara. Secara positif, ini menyumbang kepada pertumbuhan dua angka yang kukuh bagi perniagaan eksport.

KOPI & MINUMAN

Menerusi pemulihan ekonomi yang kukuh, MILO terus memperkuat kedudukan pasarnya. Penguasaan pasaran untuk serbuk MILO meningkat manakala MILO FUZE mencatatkan pertumbuhan dua angka. Kami terus mengukuhkan saranan MILO iaitu Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan di fikiran rakyat Malaysia menerusi kempen "MILO with PROTOMALT". PROTOMALT, sejenis ekstrak malt yang dihasilkan daripada kebaikan menyeluruh barli, diketengahkan secara berterusan pada setiap detik pertemuan pengguna, seterusnya membina kepercayaan khasiat MILO.

Sementara itu, kempen "MILO PLAY MORE LEARN MORE" beranjak ke tahap seterusnya sepanjang tahun ulasan. Matlamat sepanjang tahun berkenaan adalah untuk mencetuskan penglibatan di kalangan ibu bapa dengan Kem "MILO PLAY MORE LEARN MORE", untuk membawakan nilai kehidupan seperti keazaman, kepimpinan dan kerjasama berpasukan menerusi penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti

sukan. Aktiviti-aktiviti sepanjang kem sehari itu terdiri daripada klinik kejurulatihan diikuti dengan pertandingan kecil. Enam kem telah dianjurkan di seluruh negara oleh ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan kejiranan masing-masing dan disokong penuh oleh MILO. Penyertaan aktif daripada ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang terdiri dari ibu bapa di kawasan kejiranan masing-masing telah menjayakan penganjuran dan penyertaan kanak-kanak yang ramai dalam kem tersebut.

NESCAFÉ menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2010 yang dipacu oleh pelancaran semula produk kopi NESCAFÉ CLASSIC dan kopi pra-campur NESCAFÉ 3dalam1, yang dirumus semula menggunakan teknologi pengeluaran kopi yang dipertingkatkan. Kedua-dua kempen berkenaan diberi sokongan padu menerusi media dan pasaraya di seluruh negara dengan maklum balas positif daripada pengguna, yang ditunjukkan dengan hasil jualan yang kukuh.

Satu lagi pemacu utama pertumbuhan adalah maklum balas positif pengguna kepada rangkaian produk NESCAFÉ MENU yang inovatif. Dilancarkan pada Oktober 2009, jenama tersebut adalah yang pertama di pasaran menawarkan pengguna rangkaian kegemaran kedai kopi tempatan - Ipoh White Coffee, Tarik dan NESLO – dalam format mudah. Pelancaran tersebut disokong oleh kempen bersepadu yang kukuh.

MAKANAN

2010 adalah tahun yang mencabar bagi perniagaan Makanan, oleh kerana kos operasi yang lebih tinggi. Mi MAGGI berupaya untuk melindungi kedudukannya dengan segmen cawan yang terus berkembang, dan kami terus melabur secara agresif dalam kategori MAGGI Flavour World. Bagi kategori sos pula, terdapat aliran meningkat ke arah suku terakhir 2010 selepas permulaan awal yang perlahan.

Kempen komunikasi baru "HAPPINESS IS HOMEMADE" telah dilancarkan pada Julai 2010 dan diberi sokongan kuat dalam media elektronik. Daripada sudut inovasi kami telah melancarkan Mi Atta MAGGI, mi segera yang diperbuat daripada gandum penuh dan lebih rendah lemak. Kami turut memperkenalkan sos memasak pelbagai guna MAGGI Kreatif, yang sangat versatil.

Kami juga meneruskan perladangan cili kontrak untuk menghasilkan cili terbaik dan paling segar untuk Sos Kulinari kami, serta memastikan kemampuan usaha-usaha kami bersama peladang tempatan.

Keseluruhan jumlah eksport meningkat sebanyak 27%, mencatatkan peratusan tertinggi yang pernah dicapai. Ini telah menyumbang secara ketara kepada keseluruhan jualan Kumpulan.

SUSU

Sepanjang tahun ulasan, pengurusan naik turun kos pepejal susu – satu bahan utama dalam kebanyakan produk kami adalah satu cabaran. Bagaimanapun, penambahbaikan berterusan dalam kecekapan operasi dalaman menerusi usaha Kecemerlangan Berterusan Nestlé (Nestlé Continuous Excellence) telah membantu untuk mengurangkan beberapa peningkatan kos input.

Kami telah menjalankan inisiatif penyesuaian pengguna secara berterusan bagi meningkatkan pemahaman keperluan pengguna. Ini menghasilkan beberapa aktiviti penglibatan pengguna termasuk kempen Cabaran Kolesterol NESTLÉ OMEGA PLUS dengan ACTICOL; Mencergaskan Semula Kecergasan Anda dengan minuman susu bijirin berkhasiat NESVITA 3dalam1; aktiviti di kedai – Hasilkan Sendiri Secawan Kopi Sempurna Anda COFFEE-MATE; dan kempen Periksa Label Susu Membesar NESPRAY. Kesemua aktiviti ini telah meluaskan pangkalan pengguna kami serta mengukuhkan kedudukan kami dalam kategori masing-masing.

KONFEKSI

Perniagaan konfeksi menikmati satu lagi tahun pertumbuhan yang diterajui oleh jenama KIT KAT yang mencatatkan pertumbuhan ketara dalam kedua-dua jualan domestik di Malaysia dan eksport ke Thailand. Pertumbuhan ini banyak didorong oleh penglibatan bersama pengguna menerusi laman media sosial seperti Facebook dan disokong kuat oleh pelaburan media yang memberi tumpuan kepada terjemahan kontemporari kempen berpanjangan kami “Have a Break, Have a KIT KAT.”

Sejajar dengan komitmen kami untuk menyediakan makanan berperasa hebat yang diseimbangi dengan keperluan pengguna untuk tanggungjawab pemakanan berkhasiat yang lebih tinggi, kami telah memperkenalkan Garis Panduan Jumlah Sehari (GDA) untuk maklumat penyediaan tenaga di bahagian hadapan bungkusan konfeksi kami, yang membolehkan pengguna membuat pilihan yang tepat dengan mudah bagi keperluan khasiat pemakanan dan tenaga seharian mereka.

TENUSU DINGIN

Produk Tenusu Dingin Nestlé yang melambangkan tumpuan Syarikat kepada Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan mencapai pertumbuhan dua angka yang memberangsangkan di seluruh rangkaianannya.

Sempena Hari Kesihatan Penghadaman Sedunia pada 29 Mei 2010, kami telah melancarkan Cabaran 14-hari Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS, yang bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai kepentingan memiliki sistem penghadaman yang baik. Reaksi pengguna yang sangat positif menghasilkan pertumbuhan kukuh bagi jenama BLISS kami. Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS adalah satu-satunya minuman yogurt di Malaysia yang mengandungi Inulin (serat) dan kultur hidup, dan kempen tersebut menggalakkan pengguna untuk mengambil dua sajian Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS setiap hari bagi meningkatkan penghadaman mereka.

AIS KRIM NESTLÉ

Dalam kategori produk ais krim, Nestlé terus menghadapi persaingan sengit daripada pelbagai jenis jenama. Meskipun berhadapan dengan cabaran itu, Ais Krim Nestlé mencatatkan pertumbuhan dalam segmen-segmen “Take Home Tub”, Luar Rumah, Pelbagai Bungkusan dan “Impulse”. Sorotan penting untuk tahun berkenaan adalah pelancaran Ais Krim LA CREMERIA Strawberry Dream, DRUMSTICK Blackforest dan manisan beku MAT KOOL ASTEROID yang berlangsung dengan jayanya.

Ais Krim NESTLÉ mengekalkan kedudukannya sebagai peraju pasaran dalam kedua-dua kategori rangkaian mampu milik dan premium. NESTLÉ LA CREMERIA – jenama ais krim premium No.1 – terus memperoleh penguasaan pasaran dengan kombinasi kualiti, rasa, jenis dan mampu dimiliki berserta tambahan terkini kepada rangkaian LA CREMERIA - Strawberry Dream.

Sejajar dengan komitmen kami untuk menyediakan makanan berperasa hebat yang diseimbangi dengan keperluan pengguna untuk tanggungjawab pemakanan berkhasiat yang lebih tinggi, kami telah memperkenalkan Garis Panduan Jumlah Sehari (GDA) untuk maklumat penyediaan tenaga.

NESTLÉ PROFESSIONAL

Nestlé Professional menjadi sebuah perniagaan diuruskan secara global pada tahun 2009 dan mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam tempoh 2 tahun ini. Sebagai peneraju pasaran dalam industri luar rumah (Out-of-Home), Nestlé Professional akan terus mengembangkan perniagaan dengan menyediakan penyelesaian sistem dan produk yang inovatif dan kreatif kepada pelanggannya dalam kedua-dua kategori makanan dan minuman. Sorotan utama untuk tahun berkenaan termasuk pelancaran sistem produk dan minuman inovatif serta aktiviti-aktiviti, yang menjalin pertalian dan hubungan yang kukuh dalam industri.

SJORA, sejenis minuman unik menyegarkan yang mengandungi susu tanpa lemak dan jus buah-buahan sebenar, telah dilancarkan kepada pengguna utama, membuka kategori minuman baru yang menarik dalam segmen luar rumah. Kami turut memperkenalkan sistem NESCAFÉ Milano dengan satu rangkaian produk berjenama yang menyediakan menu minuman premium berskala tinggi kepada rakan kongsi terpilih.

Dalam kategori makanan, produk utama kami adalah Pes Nasi Ayam Hainanese MAGGI yang inovatif. Produk ini dihasilkan daripada halia dan bawang putih segar tanpa tambahan MSG, bagi menyediakan asas bagi pengusaha makanan untuk menyediakan nasi ayam asli dengan lebih mudah.

Hubungan kami dengan industri luar rumah (OOH) mencatatkan satu lagi pencapaian pada tahun 2010 dengan penajaan Anugerah Seni Kulineri Nestlé; Cabaran Chef Pulau Pinang Ke-4; Pertandingan Chef Cina Golden Sedunia dan Fiesta Hospitaliti Sabah, bertujuan untuk terus meningkatkan piawaian seni kulineri di Malaysia. Kami turut bekerjasama erat dengan Persatuan Pengusaha Kedai Kopi Singapura Malaysia bagi memberi kesedaran mengenai kebersihan makanan dan peribadi untuk pengendali makanan dan minuman di kalangan ahli persatuan.

PEMAKANAN

Pemakanan bayi terus memberi tumpuannya dalam membantu membina generasi yang lebih gembira, lebih sihat menerusi pemakanan berasaskan sains, pada peringkat sewajarnya sejak bayi sehinggalah awal kanak-kanak, bagi memastikan bayi bermula dengan sihat dan kekal sihat sepanjang hayat.

Pencapaian besar bagi Pemakanan Bayi pada tahun 2010 menyaksikan penjenamaan semula Bijirin Bayi NESTLÉ kepada NESTLÉ CERELAC. Penyatuan jenama CERELAC dengan NESTLÉ, pakar pemakanan dengan tumpuan utama kepada kualiti telah menghasilkan pertumbuhan kukuh untuk rangkaian ini.

Institut Pemakanan Nestlé (Nestlé Nutrition Institute, NNI) adalah bahagian komunikasi perubatan dan saintifik Pemakanan Nestlé. Menerusi motonya Sains untuk Pemakanan Yang Lebih Baik, aktiviti NNI bertujuan untuk menyumbangkan maklumat dan pendidikan khasiat pemakanan yang tepat bagi profesional penjagaan kesihatan serta menjadi rakan kongsi mereka dengan menyediakan capaian yang dipertingkatkan kepada pengetahuan terkini dalam sains pemakanan. Ini digambarkan menerusi dua acara penting syarikat: edisi kedua Simposium NNI untuk Profesional Kesihatan serta bengkel pertama CME mengenai pemakanan ibu-ibu dan kanak-kanak untuk doktor hospital awam di Kuala Lumpur.

Bahagian Penjagaan Kesihatan Nestlé, yang diiktiraf atas prestasi perniagaannya yang baik sebelum ini, terus membina asas kukuhnya dan dorongan pertumbuhan yang baik. Produk pemakanan kami yang berasaskan sains dirumus khas untuk mereka yang mempunyai keperluan pemakanan khusus. Antara produk yang ada untuk pengguna termasuk NUTREN UNTUK DIABETIK, NUTREN Optimum, NUTREN Fibre dan NUTREN Junior. Sebagai tambahan, minuman berkhasiat PEPTAMEN dirumus khas untuk makanan pesakit pada saat paling mencabar dalam jagaan kritikal. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam berkongsi pengetahuan dan kepakaran pemakanan, Pemakanan Penjagaan Kesihatan Nestlé menyediakan pendidikan perubatan berterusan kepada profesional penjagaan kesihatan.

Ulasan Perniagaan Pengarah Urusan

Bagi Pemakanan Prestasi Nestlé, komitmen kami adalah untuk mencapai sistem dan program produk yang terbukti secara saintifik untuk membantu atlet dan ahli sukan mencapai kemuncak prestasi. Sistem Prestasi POWERBAR telah terbukti menjadi sebahagian penting regim latihan atlet. Kami terlibat dengan atlet kami secara langsung sepanjang acara sukan dan membina pasukan duta kami menerusi Pasukan Elit.

EKSPORT

Keadaan ekonomi yang perlahan sebelum tahun 2010 menyediakan peluang kepada Nestlé Malaysia untuk mengukuhkan perniagaannya dan memberi tumpuan semula kepada strateginya. Pelaburan awal menerusi pemasangan loji Krimer Kopi dan peluasan kapasiti kemudahan pengeluaran Kopi menghasilkan rangsangan penting kepada jumlah eksport kami sepanjang tahun ulasan.

Keseluruhan jumlah eksport meningkat sebanyak 27%, yang mencatatkan peratusan tertinggi. Ini menyumbang secara ketara kepada keseluruhan jualan Kumpulan, yang mewakili kira-kira 24% daripada jumlah perolehan. Tahun 2010 juga menyaksikan proses operasi ditempatkan dengan baik untuk terus menambahbaik sistem penghantaran perkhidmatan eksport kepada pengguna Nestlé di seluruh dunia.

Inisiatif utama bertujuan untuk merangsang sektor eksport, terutamanya dari segi promosi rangkaian produk Halal, terus membuah hasil dengan penajaran semula strategi saluran pengimport dan pengedar untuk pasaran Eropah. Nestlé Malaysia bekerjasama erat dengan sekutu global, Nestrade S.A yang beribu pejabat di Switzerland, bagi mempromosikan rangkaian produk Halal dan etnik dalam saluran khusus serta akaun penting tertentu di Eropah.

Dengan pertumbuhan ketara masyarakat Muslim di seluruh dunia dan Nestlé Malaysia diiktiraf sebagai peneraju kategori untuk pengeluaran produk Halal dalam Kumpulan, aktiviti promosi eksport yang berterusan telah digabungkan untuk mengekalkan pertumbuhan segmen ini.

Sejajar dengan hala tuju global Kumpulan Nestlé untuk Menang bersama Pengguna di mana saja, kami turut memberi tumpuan kepada pelbagai usaha penting untuk menambah baik tahap perkhidmatan pelanggan dan ketersediaan produk kami di rak.

JUALAN

Pada tahun 2010, pasukan jualan terus memacu kepantasan pengedaran, promosi dagangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti promosi di pasaran. Ini ditegaskan dalam Konvensyen Jualan 2010 yang bertemakan “Memacu ke arah Kecemerlangan”.

Sejajar dengan hala tuju global Kumpulan Nestlé untuk Menang bersama Pengguna di mana saja, kami turut memberi tumpuan kepada pelbagai usaha penting untuk menambah baik tahap perkhidmatan pelanggan dan ketersediaan produk kami di rak. Beberapa usaha utama termasuk perancangan perniagaan bersama, ulasan penglibatan atasan dan pengurusan kategori bersama pengguna dan peruncit utama kami.

Kami turut memulakan perjalanan kami untuk Menang bersama Pembeli dengan mengukuhkan keupayaan pasukan Pembangunan Jualan Kategori Saluran (Channel Category Sales Development, CCSD) kami. Penyelidikan mendalam dan kajian titik pembelian pelbagai pembeli dijalankan untuk mencapai pertumbuhan kategori bersama pembeli kami. Nestlé Malaysia adalah salah satu pasaran pertama di dunia Nestlé yang melaksanakan inisiatif Pengurusan Kategori Minuman Panas pada tahun 2010.

Nestlé Malaysia juga adalah pasaran Nestlé pertama yang berjaya melancarkan alat Pengurusan Pengedar yang baru, DMSone, kepada semua Pengedar Semenanjung Malaysia pada tahun 2010. Alat tersebut membolehkan pasukan jualan dan pengedar kami berkhidmat dengan lebih berkesan dan cekap, dan seterusnya akan memacu kepantasan pelaksanaan di pasaran.

Kami terus membangunkan pasukan jualan kami dengan pelbagai sesi latihan semasa kerja dan dalam kelas seperti Pengurusan Akaun Utama (Key Account Management), Amalan Terbaik Pengurusan Lapangan (Field Management Best Practices) dan Amalan Terbaik Pengurusan Pengedar (Distributor Management Best Practices). Kami juga meneruskan kerja kami dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) – 15 kakitangan menamatkan pengajian daripada Kolej Jualan Nestlé pada tahun 2010.

Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha Kecemerlangan Berterusan Nestlé (NCE) untuk mengkaji fungsi Menjana Permintaan, kami turut menstrukturkan semula penyusunan jualan kami daripada struktur tumpuan geografi kepada struktur tumpuan saluran. Ini membolehkan kami untuk bertindak balas dengan lebih pantas terhadap perubahan landskap peruncitan, menyediakan khidmat kepada pelanggan dengan lebih cekap dan berkesan, dan terus memacu pertumbuhan dalam kedua-dua Dagangan Moden dan Tradisional di Malaysia.

SUMBER MANUSIA

Sepanjang tahun ulasan Nestlé meneruskan usahanya untuk membangunkan bakat-bakat menerusi tumpuan berterusan terhadap pembangunan sumber manusia. Sebagai sebahagian daripada Peta Laluan Sumber Manusia untuk mencipta organisasi berprestasi tinggi, Nestlé menggunakan satu proses dan sistem berstruktur dipanggil Penyelesaian Pengurusan Prestasi Bakat (Talent Performance Management Solutions) yang mengandungi 4 proses penting:

1. Penilaian Prestasi – penetapan dan penilaian matlamat berasaskan pasukan.
2. Penilaian Bakat – penilaian prestasi berterusan dan potensi kakitangan kami untuk berkembang dalam syarikat.
3. Perancangan Pemimpin Masa Hadapan – perancangan untuk pemimpin masa hadapan yang berpotensi bagi jawatan penting.
4. Proses Panduan Pembangunan Maju – perbincangan dan perancangan antara pengurus dan kakitangan mengenai rancangan tindakan pembangunan kakitangan.

Sebagai MNC terbesar dalam sektor Makanan dan Minuman, kami memperoleh manfaat daripada pendekatan global dalam pengurusan dan pembangunan bakat yang dilaksanakan oleh Kumpulan Nestlé di seluruh dunia. Kami turut menjalankan latihan dalaman dan luar negara berdasarkan keperluan kerja semasa dan masa hadapan kakitangan kami serta keperluan pembangunan individu.

Dalam usaha pembabitan yang lebih baik bersama warga kerja, kami menjalankan kaji selidik secara berterusan. Salah satu inisiatif berkenaan adalah kaji selidik ‘Nestlé & I’ yang dijalankan oleh Kumpulan HAY pada tahun 2010. Maklum balasnya sangat memberangsangkan dengan kadar penyertaan yang tinggi sebanyak 98%. Penemuan kaji selidik itu menandakan bahawa kekuatan utama kami termasuk komitmen kukuh kami kepada kualiti produk dan memenuhi keperluan pelanggan, keupayaan kami untuk memastikan ketelusan kepada warga kerja dan rasa bangga dan komitmen yang jitu disemai di seluruh Kumpulan. Bidang penambahbaikan turut dikenal pasti dan rancangan tindakan telah disediakan.

KEWANGAN DAN KAWALAN

Pada tahun 2010, fungsi Kewangan dan Kawalan (Financial and Control, F&C) terus menyokong ciptaan nilai jangka panjang pemegang saham dengan menerajui perancangan strategik dan proses ramalan Kumpulan, dengan bertindak sebagai peneraju bersama menerusi perkongsian dengan perniagaan untuk mempengaruhi pembuatan keputusan dan memastikan piawaian tertinggi bagi pengemudian dan pentadbiran di seluruh syarikat.

Untuk mencapai matlamat kewangan Kumpulan, pasukan F&C bersama-sama Unit-Unit Perniagaan dan Fungsi Sokongan melaksanakan strategi perniagaan yang dirancang untuk tahun berkenaan. Ini membabitkan penetapan sasaran yang jelas dan boleh diukur, menyediakan ketelusan terhadap prestasi, menilai risiko dan peluang, mengenal pasti jurang dan membina rancangan tindakan khusus untuk mencapai matlamat syarikat.

Tahun ulasan turut menyaksikan komuniti F&C terlibat dalam beberapa projek dan usaha penting bagi menyokong keseluruhan perniagaan Nestlé Malaysia.

Satu projek penting berhubung persediaan untuk pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan. Kumpulan menyokong rancangan Kerajaan untuk memperkenalkan GST dan percaya bahawa ia adalah sebahagian penting Rancangan Transformasi Ekonomi untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi. Kami telahpun melaksanakan kajian kesan dan menilai aliran kerja sewajarnya dalam persediaan pelaksanaan GST. Sebagai salah satu peneraju perniagaan negara, kami akan terus bekerjasama erat dengan Kerajaan dan menyediakan maklum balas sewajarnya bagi memastikan proses pelaksanaan berjalan lancar.

PENGELUARAN – PERBELANJAAN MODAL

Jumlah perbelanjaan modal untuk tempoh ulasan adalah kira-kira RM145 juta, menurun daripada RM267 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelum ini. Pengurangan itu sebahagian besarnya adalah hasil daripada penyelesaian berjaya dan penutupan kewangan projek pelaburan modal besar di kompleks Shah Alam yang berlangsung dalam tempoh 2009/2010.

Perbelanjaan modal terdiri daripada Pembuatan serta Jualan, Pentadbiran dan Pengedaran telah dilaksanakan sejajar dengan peningkatan dalam permintaan pasaran tempatan dan pertambahan jumlah eksport.

Kapasiti pemprosesan tambahan juga telah dipasang untuk pengeluaran Produk Minuman Cecair. Juga, untuk memenuhi pertumbuhan permintaan untuk campuran 3 dalam 1, kami telah melabur dalam kapasiti tambahan untuk isian bungkusan batang campuran minuman. Pelaburan tambahan juga telah dilaksanakan untuk

meningkatkan kapasiti kami dengan peluasan kapasiti Proses Pembuatan Wafer di kilang konfeksi KIT KAT dan pada kapasiti isian Tenusu Dingin.

Seperti tahun sebelumnya, kami juga telah melaksanakan pelaburan untuk memastikan jaminan kualiti yang lebih baik dan meningkatkan inisiatif penjimatan kos kami. Satu pelaburan modal yang penting yang telah diselesaikan dan dilaksanakan dengan jayanya adalah loji pembancuhan yang baru di Kilang Petaling Jaya. Loji tersebut membentuk proses penting dalam pengeluaran MILO. Pelaburan berkenaan akan terus memastikan kualiti produk kami yang tinggi serta kebolehpercayaan dan kestabilan proses sewajarnya.

Satu lagi pelaburan modal utama pada tahun 2010 adalah pengambilalihan tapak kilang tambahan. Terletak bersebelahan Kilang Batu Tiga, tapak seluas 40,000 meter persegi ini dengan bangunan industri akan membolehkan kami terus meluaskan kemudahan pengeluaran kami di Shah Alam serta menambah baik infrastruktur dalaman kami.

Tahun ulasan menyaksikan usaha kukuh ke arah pengurangan penggunaan Tenaga dan Air. Pelaburan telah dilaksanakan di semua kilang, bertujuan untuk mengurangkan penggunaan Elektrik dan Wap dengan jayanya dan mengurangkan penggunaan air minuman untuk proses kami. Antara 2009 dan 2010, Nestlé telah mencapai pengurangan sebanyak 9% tenaga dalam jumlah berterusan pada kadar tahun 2009, sesuatu yang penting mengambil kira keluasan operasi kami.

RANTAIAN BEKALAN

Pada tahun 2010, Kumpulan mengendalikan lebih daripada 28 juta kotak produk, melakukan penghantaran kepada 87 Pengedar menerusi 11 gudang yang dikendalikan oleh Nestlé dan pihak luaran lain.

Paras Perkhidmatan Pelanggan (Customer Service Level, CSL) kami secara keseluruhan adalah sebanyak 96% pada 2010 meskipun terdapat beberapa isu operasi biasa yang menjejaskan stok sedia ada seperti pemberhentian pengeluaran tidak dirancang, kekurangan bahan mentah dan aliran jualan tidak sekata. Untuk memenuhi keperluan pelanggan kami, kami telah mengambil langkah untuk menambah baik proses perancangan perniagaan, memantau bekalan bahan utama dengan teliti dan melaksanakan program latihan bagi meningkatkan keupayaan kakitangan kami. Pelanggan kami dalam Akaun Antarabangsa terus meletakkan kami sebagai pembekal utama dengan CSL sebanyak 98~99%.

Untuk Bekalan Eksport atau Antara Pasaran (IMS) ke pasaran Nestlé lain, kami telah menghantar 13,000 kontena ke 66 negara di seluruh dunia.

PROSPEK

Penanda ekonomi penting kekal positif untuk tahun berkenaan dan pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi oleh Kerajaan akan membantu untuk menyokong pertumbuhan negara yang diramal sekitar 5%. Kami yakin bahawa momentum yang telah diraih pada 2010 digabungkan dengan rancangan pemasaran kukuh untuk jenama penting kami akan membolehkan kami mencapai pertumbuhan yang pantas pada 2011. Tumpuan inovasi kami kedua-duanya kepada produk mampu milik dengan rangkaian Produk Berposisi Popular (Popularly Positioned Products, PPP) menawarkan manfaat berkhasiat dalam format ringkas pada titik harga yang tepat, serta produk premium yang menawarkan rasa enak dan berkhasiat dalam format mudah pada harga berpatutan.

Cabaran terbesar yang terus dihadapi kini adalah inflasi harga makanan. Kos untuk bahan mentah utama dijangka terus meningkat dan kekal pada paras yang tinggi, ketika peningkatan permintaan dalam pasaran baru merancakkan kekurangan bekalan komoditi pertanian. Ini akan terus meningkat dengan corak iklim yang sukar diramal menyebabkan keluaran pertanian yang lebih tidak menentu. Justeru kami akan terus memberi tumpuan kepada inisiatif penjimatan kos dalaman sambil memantau pembangunan harga komoditi dan menyelaraskan polisi harga kami sewajarnya. Di mana mungkin Kumpulan akan memanfaatkan inisiatif kecekapan operasi dan penjimatan kosnya bagi mengurangkan tanggungan peningkatan harga kepada pengguna.

Sekali lagi kami telah memperuntukkan bajet perbelanjaan modal menyeluruh untuk peningkatan, peluasan kapasiti dan pelaburan dalam inovasi produk untuk memenuhi peningkatan permintaan daripada pasaran domestik dan luar negara.

Sejajar dengan moto kami “GOOD FOOD, GOOD LIFE” kami komited untuk meningkatkan kualiti kehidupan pengguna kami dengan terus menambah baik rangkaian makanan dan minuman kami. Matlamat kami adalah untuk mencipta nilai bersama untuk para pemegang saham kami dan masyarakat Malaysia secara keseluruhan.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan tulus saya dan terima kasih kepada keseluruhan pasukan Nestlé atas usaha mereka pada tahun 2010. Komitmen, keazaman dan minat mendalam warga kerja yang kami miliki inilah membezakan kami daripada pesaing kami. Saya bangga untuk menjadi sebahagian daripada pasukan ini.

Sejajar dengan moto kami
“GOOD FOOD, GOOD LIFE”
kami komited untuk meningkatkan
kualiti kehidupan pengguna kami
dengan terus menambah baik
rangkaiannya makanan dan minuman kami.

Produk-produk Baru

Sebagai syarikat peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, kami meneruskan perjalanan kami dalam inovasi dan renovasi sepanjang tahun 2010 bagi keseluruhan portfolio produk kami.



Yogurt Smooth & Fruity NESTLÉ

Yogurt Smooth & Fruity kami adalah rendah lemak dan disematkan dengan kultur hidup. Kini, anda boleh menikmati rasa buahnya yang enak serta tekstur yang lebih licin tanpa rasa kesal.



FOX's CRYSTAL CLEAR

Konfeksi gula FOX's Crystal Clear diperbuat dengan pewarna semulajadi dan terdapat dalam empat perisa buah-buahan seperti Strawberi, Lemon, Blackcurrant dan Oren.



LA CREMERIA Strawberry Dream

Manjakan diri anda dengan Ais Krim LA CREMERIA Strawberry Dream NESTLÉ yang berperisa strawberi dan vanilla. Ia juga mengandungi kepingan buah strawberi pada setiap suduan. Hayatilah keadaan sempurna ini yang berumpamakan kebahagiaan.

NESCAFÉ 3dalam1

NESCAFÉ 3dalam1 kini memukau para pengguna dengan rasanya yang lebih enak serta lapisan buih yang lebih licin, yang dihasilkan dengan menggunakan satu teknologi proprietari baru.



MAT KOOL ASTEROID

MAT KOOL ASTEROID merupakan satu konfeksi ais berperisa coklat yang enak. Ia diperkaya dengan Kalsium, serta disaluti dengan coklat dan bertih beras.



Memujuk Keakraban Bersama MAGGI Sajian Keluarga

MAGGI terus menawarkan pemakanan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia dengan memperkenalkan pek ekonomi mi MAGGI Sajian Keluarga. Mi baru ini diperkaya dengan zat besi dan penambah perisanya mengandungi garam beriodin. Buat masa ini, MAGGI Sajian Keluarga boleh didapati di pasaran Malaysia Timur sahaja.

Mi Gandum Penuh Atta MAGGI TASTYLITE

Mi segera MAGGI yang merupakan kegemaran rakyat Malaysia, telah memperkenalkan rangkaian Mi Gandum Penuh Atta MAGGI TASTYLITE untuk individu yang mementingkan kesihatan. Mi berkuah ini boleh didapati dalam dua perisa tempatan iaitu Mi Rebus dan Chapati Kheema. Ia adalah sumber serat, rendah lemak dan tidak ditambah MSG. Kedua-duanya boleh didapati di dalam multipek 74x4, di pasar raya dan pasar raya besar terpilih di seluruh negara.



Produk-produk Baru



NESCAFÉ Ais (Diperbaharui) – Lebih Berkrim Dengan Rasa Kopi Yang Lebih Hebat

Nestlé Professional telah melancarkan kopi NESCAFÉ Ais terbaru yang telahpun menerima maklum balas positif daripada para pengguna yang menikmati aroma kopi hebat dan kopi yang lebih berkrım.



Sos Masakan Serbaguna MAGGI KREATIF

Sos Masakan Serbaguna MAGGI KREATIF diperbuat daripada kombinasi ramuan istimewa seperti bawang merah, bawang putih, cili, lada dan kicap. Ia boleh menambahkan kelazatan kepada makanan dan sesuai digunakan oleh tukang masak amatır ataupun profesional.



MAT KOOL Jolly Jelly 50ml

MAT KOOL Jolly Jelly merupakan satu konfeksi sejukbeku enak berperisa vanila serta jeli strawberi, yang diperkaya dengan Kalsium dan diperbuat dengan pewarna semulajadi.



NESTLÉ DRUMSTICK

Blackforest Bites

NESTLÉ DRUMSTICK Blackforest Bites baru adalah konfeksi sejukbeku berperisa vanila dan coklat, yang disaluti dengan bertih beras coklat yang unik dan mempunyai sos raspberi hingga ke hujung kon. NESTLÉ DRUMSTICK Blackforest Bites juga mempunyai kon unik berwarna coklat gelap yang diperbuat dengan pewarna semulajadi.

NESCAFÉ CLASSIC

Kopi NESCAFÉ CLASSIC dilancarkan semula pada April 2010 dengan menggunakan teknologi pengekstrakan kopi yang menangkap intipati kopi. Kini, para pengguna boleh menikmati pengalaman kopi baru dengan aroma yang lebih tulen serta rasa yang lebih sedap.



NESTLÉ BLISS 0% Lemak Pic Mangga 700g

Minuman Yogurt NESTLÉ BLISS 0% Lemak kini boleh didapati dalam perisa kombinasi unik iaitu buah-buahan tropika, Mangga dan Pic. Minuman yogurt ini bebas daripada kolesterol dan diperbuat dengan pewarna semulajadi. Kebaikannya juga datang dari Inulin, kultur hidup dan jus buah-buahan sebenar.



Pewarna semulajadi yang diekstrak daripada tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang terpilih digunakan dalam beberapa produk kami.

Produk-produk Baru

NESTLÉ Multi Grain CHEERIOS

NESTLÉ Multi Grain CHEERIOS mengandungi kebaikan bijian penuh, 10 vitamin dan mineral dan juga serat yang boleh membantu penghadaman. Gabungan lazat jagung, beras, gandum, oat dan barli dalam setiap mangkuk CHEERIOS menjadikannya cara yang hebat untuk memulakan hari keluarga anda.



NESCAFÉ MENU Ipoh White Coffee dalam tin

NESCAFÉ MENU memperkenalkan NESCAFÉ MENU Ipoh White Coffee di dalam tin yang sedia untuk diminum.

POWERBAR Gel dengan tiga perisa baru

POWERBAR Gel di cipta untuk atlet-atlet yang memerlukan tenaga semasa melakukan aktiviti yang lasak kerana ia menghasilkan tenaga yang kuat dan pantas. Selain daripada rangkaian kafeina dan tanpa kafeina yang sedia ada, POWERBAR Gel kini boleh didapati dalam tiga perisa baru iaitu POWERBAR Gel Epal Hijau, POWERBAR Gel Krim Raspberi dan POWERBAR Gel Vanilla.



SJORA Nenas Tropikal & SJORA Mangga Pic

Nestlé Professional telah membuka satu kategori baru di pasaran luar rumah dengan melancarkan SJORA (SE-JO-RA) di medan makan utama di KL & Lembah Klang. SJORA adalah minuman jus unik yang 99.9% bebas lemak. Ia diperbuat daripada jus sebenar serta mengandungi susu tanpa lemak.



Yogurt NESTLÉ Tanpa Lemak Beri Biru, Epal & Nata De Coco

Yogurt NESTLÉ Tanpa Lemak Beri Biru, Epal & Nata De Coco yang mempunyai kebaikan buah-buahan sebenar, kalsium untuk membantu pertumbuhan tulang dan gigi yang kuat dan kultur hidup untuk sistem penghadaman yang baik. Beri biru membekalkan tiga puluh peratus daripada keperluan vitamin C harian anda dan merupakan sumber vitamin E dan serat makanan yang baik. Ia juga merupakan sumber antioksidan.



Sos Cili MAGGI Hot n' Sweet

Diperbuat daripada cili segar terpilih, MAGGI Hot n' Sweet pasti menambat hati dan menawan citarasa seisi keluarga. Nikmati keserasian MAGGI Hot n' Sweet bersama ayam goreng, yang juga sesuai dicecah bersama cucur udang, nuget dan kentang goreng.

Melalui inovasi dan renovasi, kami akan terus menawarkan para pengguna dengan pilihan produk yang lebih sihat dan berkhasiat yang mengandungi kurang garam, kurang gula dan rendah lemak.

NESTLÉ SERTAI FORUM AGENDA PERNIAGAAN MENGENAI AIR **A**

ACCA, dengan kerjasama Institut Tanggungjawab Korporat Malaysia dan Pertubuhan Air Malaysia (MWA) telah menganjurkan Forum Agenda Perniagaan yang bertemakan “Perniagaan dan Air: Patutkah Kita Prihatin?” di Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur pada 7 Januari 2010. Forum tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan kepentingan air dalam agenda perniagaan dan menyokong perbincangan tentang kesan air terhadap perniagaan dan juga jalan penyelesaian. Pengarah Eksekutif, Teknikal dan Pengeluaran Nestlé Malaysia, En. Detlef Krost merupakan salah seorang ahli panel yang berkongsi pandangan Syarikat tentang peranan air dalam industri pemakanan serta kesan kekurangan air terhadap keselamatan makanan sedunia kelak.

En. Krost mengutarakan pelbagai inisiatif Syarikat dalam menguruskan sumber alam kita secara global sama ada dalam operasi hulu mahupun hiliran. Beliau turut menyarankan perkongsian amalan-amalan terbaik usaha kemampanan air di kalangan perniagaan agar kita dapat belajar sesama sendiri. Kesimpulannya, forum perniagaan tersebut mengakui wujudnya jurang antara pengguna dan pembekal air, dan pengurusan air sepatutnya menjadi tanggungjawab yang perlu dikongsi bersama dengan pihak Kerajaan, perniagaan, pihak berkuasa air dan para pengguna. Ahli-ahli panel lain termasuklah Pengarah ASEAN dan Australasia ACCA, En. Tay Kay Luan, Presiden MWA, En. Ahmad Zahdi Jamil, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Dato’ Teoh Yen Hua dan Timbalan Dekan dan Pengarah Kemampanan Fakulti Perundangan dan Pengurusan Universiti La Trobe, Australia, Profesor Carol Adams.



Sorotan Utama

PENGGOMERSIALAN BERSKALA PENUH PENANAMAN BERAS MERAH DI SARAWAK **B**

Petani tempatan yang mengusahakan tanah ladang luar bandar di Divisyen 1 Sarawak diberi peluang untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian bekalan Nestlé melalui skim perladangan kontrak penuh yang bermatlamat untuk Menjana Nilai Bersama antara semua pihak yang terlibat dalam projek ini. Program pengkomersialan berskala penuh ini telah dilancarkan selepas usahasama selama lima tahun antara Nestlé (Malaysia) Berhad, Institut Kemajuan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Penyelidikan Pertanian (ARC) Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak. Di bawah skim perladangan kontrak ini, lebih daripada

500 orang peladang yang merangkumi sekitar 350 hektar tanah ladang luar bandar diberi tugas untuk menanam dan mengeluarkan beras merah tradisional – bahan mentah utama yang diperlukan bagi menghasilkan rangkaian bijirin bayi Nestlé – yang dikeluarkan oleh Syarikat untuk rantau ASEAN. Pengarah Eksekutif, Teknikal dan Pengeluaran Nestlé Malaysia En. Detlef Krost telah melancarkan program tersebut pada 8 Mac 2010 di Tebedu di Serian, Sarawak bersama Timbalan Ketua Menteri (II), Menteri Pemodenan Pertanian dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu Numpang.



MESYUARAT PENGLIBATAN PENGURUSAN **C**

Nestlé Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Penglibatan Pengurusan (MEM) pada 15 Mac 2010 dengan objektif untuk memberi maklumat penting mengenai prestasi perniagaan Syarikat, keutamaannya, cabaran-cabaran yang dihadapi dan halatuju yang jelas. Ia telah dihadiri oleh lebih daripada 160 orang pengurus-pengurus kanan Nestlé Malaysia di The Saujana KL. Antara agenda yang diadakan termasuk Sesi Penglibatan Berkumpulan, di mana para peserta telah dibahagikan kepada kumpulan masing-masing untuk memperbincangkan topik-topik berkaitan dengan tema MEM tahun ini, iaitu Menjana Nilai Bersama (CSV). Antara topik-topik yang dibincangkan termasuklah pesanan utama mengenai CSV secara keseluruhan oleh Pengarah Urusan En Peter Vogt, penyampaian mengenai CSV bagi Jenama-jenama serta Menjadi Syarikat Berprestasi Tinggi dan Sesi Bicara. Ketua Pengguna-pengguna Antarabangsa, Kuala Lumpur Dato' Indrani Thuraisingham juga telah memberi penyampaiannya yang bertajuk 'Keperluan Tanggungjawab Sosial'.



2010



PAMERAN NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA **D**

Nestlé telah mengadakan pameran NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA di dua buah negeri untuk mendidik masyarakat awam bagi menyokong usaha Kerajaan dalam menggalakkan diet yang lebih sihat serta gaya hidup aktif di kalangan warga Malaysia. Pameran NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA yang ke-4 telah diadakan dari 2 – 4 April 2010 di Pusat Membeli-belah 1 Utama di Bandar Utama manakala edisi ke-5 Pameran ini pula telah diadakan dari 2 – 4 Julai 2010 di AEON Bukit Indah di Johor Bahru. Pameran ini menunjukkan kepada para pengunjung bagaimana Nestlé berkembang dalam perjalanannya untuk menjadi sebuah Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka dan dipercayai di dunia. Pameran ini juga telah berkembang menjadi suatu acara yang penting bagi Nestlé kerana kami menghargai nilai penglibatan

secara langsung dengan pemegang berkepentingan serta pengguna-pengguna yang mana kami berkongsi tentang bagaimana kami memperbaharui produk-produk kami dengan menyokong Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan 10 Tahun Kementerian Kesihatan serta mendidik mereka untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif dan sihat. Beribu-ribu orang pengunjung membanjiri kedua-dua pameran tersebut yang menawarkan pelbagai aktiviti yang menarik untuk seisi keluarga seperti demonstrasi masakan sihat, pemeriksaan kesihatan percuma (pemeriksaan BMI, gula-darah dan kolesterol) pertunjukan bakat, peraduan mewarna bagi adik-adik, sesi senaman dan tarian, serta pensampelan produk.



NESTLÉ MALAYSIA ANJURKAN WINA **E**

Nestlé Malaysia, salah satu wakil Persatuan Mi Segera Sedunia (WINA) telah berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak Persatuan Mi Segera Sedunia ke-7. Diadakan untuk pertama kali di Malaysia dari 20 - 22 April 2010, acara tersebut telah dihadiri oleh 300 wakil dari 47 pengeluar mi segera dari 18 buah negara seperti negara China, Jepun, Brazil, Rusia, negara Thai, Vietnam, Korea Selatan, India, Taiwan, Filipina dan Indonesia. Dengan bertemakan 'Earth Food: Making It Happen', ia bertujuan untuk memperbincangkan peranan industri mi segera dalam memenuhi keperluan pemakanan masyarakat sedunia serta untuk mendapat pengiktirafan mi segera sebagai makanan harian. Ahli-ahli WINA turut memberi komitmen masing-masing untuk terus menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa bencana alam di seluruh dunia menerusi bekalan makanan. Mereka juga berikrar untuk mendidik para pengguna mengenai pengetahuan pemakanan seimbang yang juga mempertimbangkan aspek-aspek kesihatan dan alam sekitar.



FORUM KEMAMAPAN MINYAK SAWIT **F**

Naib Presiden Eksekutif, Operasi Nestlé S.A., En. José Lopez telah menyertai sebuah forum bersama para pemegang berkepentingan utama dalam industri minyak sawit pada 17 Mei 2010 di Hotel One World, Petaling Jaya. Ahli panel di forum tersebut yang bertajuk “Komited terhadap Kemampanan Minyak Sawit dan Diversiti” memaparkan ahli-ahli panel yang dihormati ramai, termasuk Setiausaha Agung Meja Bulat untuk Kemampanan Minyak Kelapa Sawit Dr. Vengeta Rao, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) Tan Sri Dr. Yusof Basiron, Ketua Pegawai Teknikal WWF-Malaysia En. Surin Sukuwan dan Pengurus Kumpulan, Sumber Manusia dan Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan United Plantations Berhad En. C. Mathews.

Dipengerusikan oleh En. Kamarul Bahrin Haron, sesi tersebut memperlihatkan saranan En. Lopez bagi usahasama antara para pemegang berkepentingan utama serta galakan beliau untuk kerjasama antara semua pihak demi memastikan kemampanan bahan mentah ini. Beliau juga menggalakkan Malaysia selaku salah satu pengeluar terbesar minyak sawit di dunia untuk menerajui bidang ini. En. Lopez turut mengumumkan kerjasama Nestlé dengan The Forest Trust (TFT) untuk memperkukuhkan lagi komitmennya untuk membanteras isu deforestasi. TFT yang merupakan organisasi global yang tidak berasaskan keuntungan, akan membantu Nestlé membina rangkaian bekalan yang bertanggungjawab dengan mengenalpasti dan menangani isu-isu sosial dan alam sekitar.

Sorotan Utama 2010

PENGLIBATAN PEMEGANG-PEMEGANG BERKEPENTINGAN NESTLÉ **G**

Nestlé Malaysia telah mengadakan dua sesi Penglibatan Pemegang-pemegang Berkepentingan pada 15 Jun dan 9 Disember 2010. Tujuan utama sesi-sesi ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti Nestlé kepada pemegang-pemegang berkepentingan, berikutan maklumbalas dan cadangan-cadangan yang diterima daripada mereka pada sesi-sesi lepas. Nestlé juga memaklumkan pemegang-pemegang berkepentingan tentang Forum Menjana Nilai Bersama global yang telah diadakan di London dan Geneva. Topik-topik mengenai tiga tumpuan Menjana Nilai Bersama iaitu Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar turut diperbincangkan di sesi tersebut. Perjumpaan ini adalah sebahagian daripada usaha Nestlé untuk menggalakkan dialog dua hala dengan pemegang-pemegang berkepentingannya.

NESTLÉ DI FORUM HALAL SEDUNIA DAN MIHAS 2010 **H**

Nestlé Malaysia telah menyertai Forum Halal Sedunia (WHF) dan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2010 ke-7 semasa Minggu Halal Malaysia yang berlangsung dari 21–27 Jun. Sebagai Penaja Perak bagi World Halal Forum, Nestlé telah menjadi hos Majlis Makan Malam Temasya pada 21 Jun 2010 yang telah dihadiri oleh bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. MIHAS merupakan acara dagangan antarabangsa tahunan di bawah naungan Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa dan dianjurkan oleh Pertubuhan Perkembangan Perdagangan Luar Negara Malaysia (MATRADE). Dirasmikan sejak tahun 2004, Pameran yang bertemakan 'Penyebaran Pengaruh Halal' disertai oleh lebih daripada 600 orang peserta dari 32 buah negara. Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Dato' Sri Mustapa Mohamed telah melawat gerai Nestlé di MIHAS semasa acara pembukaan rasmi.



PELANCARAN PROGRAM NESTLÉ HEALTHY KIDS UNTUK MENGATASI ISU PEMAKANAN DAN OBESITI I

Program Nestlé Healthy Kids (NHK) di Malaysia telah dilancarkan pada 7 Ogos 2010 di Hotel Royale Bintang, Mutiara Damansara oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan), Dato' Hj. Noor Rezan bt. Bapoo Hashim, bersama dengan Pengarah Eksekutif Sumber Manusia dan Hal Ehsan Korporat Kumpulan Nestlé Malaysia, Pn. Zainun Nur Abdul Rauf dan Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), Dr. Tee E. Siong. Dengan bertemakan "Jom Sihat!", program yang dianjurkan dengan kerjasama NSM ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pemakanan dan mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan kanak-kanak sekolah berusia antara 7 dan 12 tahun, sambil memperkasakan

mereka untuk memiliki gaya hidup sihat melalui amalan pemakanan yang lebih baik, senaman dan mengamalkan langkah-langkah kesihatan utama seperti kebersihan. Program NHK yang direkabentuk dengan kerjasama badan-badan profesional pemakanan dan kesihatan, pihak berkuasa kesihatan nasional, pakar pemakanan kanak-kanak dan yayasan pendidikan dari negara masing-masing, bertujuan untuk mendidik kanak-kanak, ibubapa dan guru serta para pengendali kantin melalui bengkel Ibubapa-Anak-anak, laman web NHK, roadshow sekolah, serta risalah-risalah. Di peringkat global pula, Program NHK telah berlangsung selama beberapa tahun dan telah melibatkan sekitar empat juta orang kanak-kanak. Program ini akan terus diperluaskan kepada semua negara di mana Nestlé beroperasi sebelum akhir tahun 2011.

FORUM YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA CEO 2010 J

Pengarah Urusan Nestlé Malaysia, En. Peter Vogt baru-baru ini telah dijemput menjadi salah seorang daripada ahli panel di Forum Yayasan Kepimpinan Perdana CEO 2010. Forum tersebut telah menyaksikan perhimpunan ahli-ahli korporat berwibawa dan para pengindustri utama di Malaysia. Ahli-ahli panel lain yang turut serta bersama En. Vogt membincangkan topik "Apa yang Membuat Sebuah Syarikat Luar Biasa" ialah Pengerusi Eksekutif Westport (M) Sdn. Bhd., Tan Sri G. Gnanalingam dan Ketua Pegawai Eksekutif Symphony House, Dato' Azman Yahya. Bertemakan "Mendekati 2020: Dekad Pertumbuhan bagi Malaysia?", forum tersebut telah dihadiri dan diakhiri dengan ucapan penutup tirai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.





NESTLÉ-TETRA PAK-TESCO MELANCARKAN KEMPEN “LINDUNGI HUTAN HUJAN” **K**

Bahagian Minuman Cecair Nestlé, bersama dengan Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Tetra Pak Malaysia telah bergabung tenaga bagi kempen “Lindungi Hutan Hujan”, satu projek untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara hutan hujan semulajadi kita dengan mengitar semula kotak minuman. Dari 1 hingga 31 Oktober 2010, para pengguna digalakkan membawa kotak minuman pelbagai jenama, bentuk dan saiz yang sudah digunakan untuk dikitar semula ke mana-mana 14 buah cawangan pasaraya Tesco di Lembah Klang yang mengambil bahagian dalam menyokong usaha Persatuan Alam Sekitar Malaysia (MNS) untuk melindungi

Hutan Hujan Belum-Temengor. Kempen tersebut dirasmikan oleh Pengarah Urusan Nestlé Malaysia En. Peter Vogt bersama Pengarah Hubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Perundangan Tesco Malaysia, En. Azlam Shah Alias, Pengarah Urusan Tetra Pak Malaysia, Singapura dan Filipina En. Anders Wester dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato’ Dr. Nadzri Yahaya pada 30 September 2010 di Tesco Kepong Village Mall.

LAWATAN OLEH NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF DAN KETUA ZON ASIA, OCEANIA, AFRIKA DAN TIMUR TENGAH NESTLÉ **L**

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah, Dato’ Frits van Dijk telah melawati Nestlé Malaysia pada bulan November 2010. Ini merupakan lawatan pertama bagi Dato’ Frits ke Ibu Pejabat baru Nestlé Malaysia di Menara Surian, di mana beliau telah disambut dengan mesra oleh warga Nestlé. Ketika sesi lawatan ini, Dato’ Frits telah mengambil peluang untuk bertemu dengan beberapa pelanggan. Beliau turut meluangkan masa untuk berbincang dengan pengurus-pengurus kanan di Ibu Pejabat dan menyampaikan taklimat berkenaan gambaran keseluruhan Zon serta peluang dan cabaran dan arah tuju perniagaan.



10,000 ORANG BERJALAN KAKI PADA WORLD WALKING DAY **M**

Pada awal pagi 21 November 2010, rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat bersama-sama meraikan World Walking Day. Pelancaran acara ini dijalankan di enam lokasi pada masa yang sama – Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kuantan, Johor Bahru, Penampang dan Kuching. World Walking Day memberi peluang kepada orang ramai untuk mencergaskan tubuh badan dan menikmati kebaikan berjalan kaki bersama-sama dengan keluarga dan rakan-rakan. Mereka telah berjalan sejauh 3,000 langkah pada pagi tersebut, bersamaan dengan 30% daripada 10,000 langkah yang disarankan setiap hari oleh

Kementerian Kesihatan. Selepas berjalan kaki, para peserta disajikan dengan sarapan berkhasiat daripada Nestlé dan dihiburkan dengan pelbagai pertunjukan pentas serta cabutan bertuah. Nestlé menggalakkan masyarakat setempat untuk mengadakan Walking Days bersama jiran tetangga dan rakan-rakan mereka di sepanjang tahun, yang membawa kepada acara tahunan World Walking Day yang akan diadakan pada hari Ahad ketiga setiap bulan November.

Nestle sees higher exports this year

MD: Economic recovery will lift overseas demand

«We are trying not to increase our»

Recycling for a cause

July campaign by Taseco, Nestlé and Yaju Pak to protect Pulau Temenggong Forest

Pendapatan Nestle lepasi unjuran

OSK Research jangka momentum positif saham syarikat terus berdaya tahan

雀巢第三季净利大增 42%

内需转晴带动

Nestle investing RM20mil to raise Kit Kat plant output

By ZAZALI MUSA

Giant, Nestle sumbangkan RM150,000

Malaysia Red Cross

Dapur hebat

Nestlé sedia persekitaran memasak menarik, tetapi kurang pengguna

Forum: Give more priority to water management

Walaupun air adalah sumber yang penting, ia sering dianggap sebagai sumber yang tidak terbatas.

Nestle labur RM267 juta beli mesin baru

Investment in new machinery to improve production efficiency.

Pemeriksaan kesihatan, produk terbaru di pameran Nestlé

Health check-up and new products showcased at the exhibition.

Nestle profit up on gains from halal tax incentives

But value of exports down due to weaker demand for milk powder.

再倫諾 受委雀巢部門主管

任命为雀巢部门主管，负责马来西亚及新加坡市场。

Nestle anjur program pemakanan sihat

Program ini adalah inisiatif jangka panjang bagi meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pemakanan sihat.

Forum: Give more priority to water management

Walaupun air adalah sumber yang penting, ia sering dianggap sebagai sumber yang tidak terbatas.

Nestle profit up on gains from halal tax incentives

But value of exports down due to weaker demand for milk powder.

Nestle profit up on gains from halal tax incentives

But value of exports down due to weaker demand for milk powder.

Nestle profit up on gains from halal tax incentives

But value of exports down due to weaker demand for milk powder.

Nestle profit up on gains from halal tax incentives

But value of exports down due to weaker demand for milk powder.

Nestlé di dalam Berita

Nestlé (Malaysia) Bhd

Highly regarded in the international market for its quality, Nestlé (Malaysia) Bhd is a prominent player in the food and beverage industry. The company's products are available in over 100 countries, serving over 1 billion people. Nestlé's commitment to quality and innovation is reflected in its award-winning products, including Nescafé, Nestlé Milk, and Nestlé Health Sciences.



CEO Nestlé
Peter Brabeck-Letmathe
Nestlé (Malaysia) Bhd
100, Jalan Sultan Ismail, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603 2070 1000
www.nestle.com.my

Fitnes
Nestlé's commitment to health and wellness is evident in its Fitnes product line. These products are designed to support active lifestyles and provide essential nutrients for energy and recovery. Nestlé's Fitnes products are available in various flavors and formats, including powders and ready-to-drink beverages.

Coffee for a caring cause
Nestlé's Coffee for a Caring Cause initiative is a social responsibility program that supports the coffee farming community in the Philippines. The program provides training and resources to help coffee farmers improve their yields and quality, while also promoting sustainable farming practices. Nestlé's commitment to social responsibility is a key part of its corporate strategy.



Parents and children learn how to prepare healthy dishes from chef Florence Tan at a workshop.

Nestlé's nutrition programme for kids

KUALA LUMPUR: Nestlé Malaysia has recently launched its healthy kids programme aimed at promoting healthy lifestyles among schoolchildren. The programme includes workshops, educational materials, and healthy recipes for children. Nestlé is committed to supporting the health and well-being of the next generation.



Nestlé dishes out big breakfast for charity.



Nestlé rai kanak-kanak istimewa Tasputra Perkim

KUALA LUMPUR: Nestlé Malaysia has recently launched its special breakfast event for children with disabilities. The event provides a nutritious breakfast and a supportive environment for these children. Nestlé is committed to supporting the health and well-being of all children, regardless of their abilities.

Clean-up at children's day care centre

18 Nestlé employees volunteer to spring-clean Tasputra Perkim

MEMBER of Nestlé's (Malaysia) Bhd's Corporate Social Responsibility (CSR) team recently organized a spring-cleaning activity at the Tasputra Perkim children's day care centre. The activity involved 18 Nestlé employees who spent time cleaning and maintaining the facility. Nestlé is committed to supporting the health and well-being of children in the community.

大馬雀巢將舉辦 雀巢讓大馬成長陳列展
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢讓大馬成長陳列展。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢健康及安樂
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 致力於提供高品質、健康的產品，以支持您的健康及安樂。雀巢的各項產品均經過嚴格品質控制，確保安全、可靠。雀巢將繼續致力於提供高品質、健康的產品，以支持您的健康及安樂。

Amal pemakanan sihat

KUALA LUMPUR: Nestlé Malaysia has recently launched its healthy eating programme. The programme aims to promote healthy eating habits and provide nutritional information to the public. Nestlé is committed to supporting the health and well-being of the community.



雀巢 DRUMS TICK 帶領 10 名 勇敢女性聆聽非洲鼓聲

吉隆坡訊 - 於 2010 年 1 月結束的「雀巢 DRUMS TICK」活動，由雀巢 (Malaysia) Bhd 主辦，旨在提高公眾對非洲鼓聲的認識。活動吸引了 10 名勇敢女性參加，她們在活動中聆聽了非洲鼓聲，並體驗了非洲文化。雀巢將繼續致力於支持社區活動，並提高公眾對健康的認識。

雀巢與 Tesco 聯合 保護雨林環保計劃

吉隆坡訊 - 雀巢 (Malaysia) Bhd 與 Tesco 聯合舉辦了「保護雨林環保計劃」。該計劃旨在提高公眾對雨林保護的認識，並鼓勵公眾採取環保行動。雀巢與 Tesco 將繼續致力於支持環保事業，並為社會做出貢獻。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。



Jom jalan bersama Nestlé

吉隆坡訊 - 雀巢 (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦「Jom jalan bersama Nestlé」活動。該活動旨在提高公眾對雀巢產品的認識，並鼓勵公眾採取健康的生活方式。雀巢將繼續致力於支持社區活動，並提高公眾對健康的認識。

雀巢 DRUMS TICK 帶領 10 名 勇敢女性聆聽非洲鼓聲
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢 DRUMS TICK 活動。該活動旨在提高公眾對非洲鼓聲的認識，並鼓勵公眾採取健康的生活方式。雀巢將繼續致力於支持社區活動，並提高公眾對健康的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。

雀巢明起展覽 系列營養產品
雀巢 (Nestlé) (Malaysia) Bhd 將於本月 10 日 (星期六) 在吉隆坡大馬路 (Great Eastern Hotel) 舉辦雀巢明起展覽。展覽將展示雀巢的各項產品，包括雀巢牛奶、雀巢奶粉、雀巢咖啡等。雀巢將與大馬路發展局合作，共同推廣雀巢產品，並提高公眾對雀巢產品的認識。



Model Menjana Nilai Bersama Nestlé

Nestlé diasaskan berlandaskan falsafah tanggungjawab sosial, apabila pengasas kami Henri Nestlé, seorang ahli kimia Swiss, menghasilkan satu produk untuk seorang bayi yang tidak boleh menerima susu ibunya. Justeru bermulanya perjalanan dan komitmen Nestlé untuk mempertingkatkan kehidupan masyarakat yang kami sentuhi.

Nestlé sedar bahawa kejayaan kami bermakna menjana nilai untuk semua pihak berkepentingan – daripada para petani yang membekalkan bahan mentah yang diperlukan untuk produk kami dan para pengguna kami kepada aset terbesar kami – warga kerja kami. Komitmen ini dikenali sebagai Menjana Nilai Bersama (CSV).

Menjana Nilai Bersama adalah konsep Tanggungjawab Sosial Korporat Nestlé. Konsep berkenaan membawa kami melangkaui pematuhan dan kemampuan, memandangkan prinsip asas perniagaan

Nestlé sedar bahawa kejayaan kami bermakna menjana nilai untuk semua pihak berkepentingan – daripada para petani yang membekalkan bahan mentah yang diperlukan untuk produk kami dan para pengguna kami kepada aset terbesar kami – warga kerja kami.

Erti Menjana Nilai Bersama bagi Kami

menegaskan bahawa kejayaan dan kemampuan perniagaan untuk jangka panjang harus menjana nilai untuk kedua-dua pihak iaitu para pemegang saham dan masyarakat.

Sebahagian penting daripada cara Nestlé mengendalikan perniagaan, CSV memberi tumpuan kepada aspek spesifik aktiviti perniagaan utama Syarikat di mana nilai boleh dijana bagi kedua-dua pihak iaitu untuk masyarakat dan para pemegang saham. Kami mempercayai bahawa mana-mana perniagaan yang memikirkan aspek jangka panjang dan menuruti prinsip perniagaan yang baik akan menjana nilai untuk para pemegang saham dan masyarakatnya menerusi aktiviti-aktivitinya.

CSV juga adalah prinsip yang memberi motivasi kepada warga kerja kami dan ditunjangi oleh budaya, nilai dan prinsip kami. Kaitannya dengan inisiatif-inisiatif korporat, produk dan jenama mendorong kami untuk menyemai strategi ini di seluruh rangkaian nilai dan operasi perniagaan kami.

TIGA BIDANG TUMPUAN KAMI DALAM CSV

Di Nestlé, kami telah menganalisa rangkaian nilai syarikat dan telah mengenalpasti bahawa bidang-bidang yang mempunyai potensi terbesar untuk pengoptimuman nilai bersama dengan masyarakat adalah Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Aktiviti-aktiviti ini adalah teras kepada strategi dan operasi perniagaan global kami, kerana ia merupakan cabaran penting masyarakat di mana kami berasa kami mampu memainkan peranan yang positif:

- **Pemakanan:** kerana makanan dan pemakanan adalah asas kepada kesihatan, kepakaran dan perniagaan kami – ia merupakan sebab kewujudan kami.
- **Air:** kerana kualiti dan perolehannya yang berterusan adalah penting untuk kehidupan, pengeluaran makanan serta operasi kami. Kami juga mempercayai ia merupakan isu alam sekitar semasa yang utama.
- **Pembangunan luar bandar:** kerana kesejahteraan keseluruhan para petani dan masyarakatnya adalah asas kepada kemampuan perniagaan kami.

Tiga bidang ini penting kepada rangkaian nilai dan kejayaan perniagaan Nestlé, dan menjadi asas kepada dayasaing kami.

Dengan menyemai CSV secara kukuh dalam perniagaan kami, kami berupaya untuk melaksanakan inisiatif berorientasikan keputusan yang mempunyai kesan jangka panjang kepada masyarakat. Dari menangani isu-isu berkaitan dengan kesihatan termasuk kekurangan zat pemakanan dan berlebihan khasiat, gaya hidup tidak aktif, penduduk yang semakin tua dan peningkatan kos kesihatan hingga ke pertanian dan kemiskinan di luar bandar; air, tenaga dan perubahan iklim, kami mempunyai matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang berkembang maju dan mampan.

Ketiga-tiga bidang ini merupakan asas kepada matlamat perniagaan keseluruhan kami, iaitu “Untuk menjadi peneraju bidang Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang diperakui dan dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan”.

Nota: Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif Menjana Nilai Bersama Nestlé Malaysia, sila rujuk kepada Laporan Menjana Nilai Bersama 2010 yang boleh dimuat turun dari laman web korporat kami: www.nestle.com.my. Maklumat lanjut mengenai Menjana Nilai Bersama boleh diperolehi daripada:

- www.nestle.com
- www.creatingsharedvalue.org
- www.community.nestle.com



DUDUK, DARI KIRI:

Peter Vogt

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail

BERDIRI, DARI KIRI:

Mohd. Shah Bin Hashim [Setiausaha Syarikat]

Marc Seiler

Datuk Rafiah Binti Salim

Dato' Frits van Dijk

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad



Lembaga Pengarah



AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol
Anwar Jamalullail
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Pengerusi Lembaga Pengarah
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel
Bin Tengku Ariff
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Ahli Jawatankuasa Pencalonan

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan

Datuk Rafiah Binti Salim
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Dato' Frits van Dijk
Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Pencalonan
Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Peter Vogt
Pengarah Urusan
Pengarah Silih Ganti kepada Marc Seiler

Marc Seiler
Pengarah Eksekutif
Pengarah Silih Ganti kepada Peter Vogt

Detlef Krost
Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Frits van Dijk

JAWATANKUASA AUDIT

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol
Anwar Jamalullail
Pengerusi

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel
Bin Tengku Ariff
Ahli

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad
Ahli

Datuk Rafiah Binti Salim
Ahli

JAWATANKUASA PENCALONAN

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol
Anwar Jamalullail
Pengerusi

Dato' Frits van Dijk
Ahli

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel
Bin Tengku Ariff
Ahli

JAWATANKUASA IMBUHAN

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad
Pengerusi

Dato' Frits van Dijk
Ahli

Datuk Rafiah Binti Salim
Ahli

SETIAUSAHA SYARIKAT

Mohd. Shah Bin Hashim [LS 0006824]
Telefon : +603 7965 6000
Faksimili : +603 7962 7213
E-mel : MohdShah.Hashim@my.nestle.com

PEJABAT BERDAFTAR

22-1, Tingkat 22, Menara Surian
No.1, Jalan PJU 7/3
Mutiar Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Telefon : +603 7965 6000
Faksimili : +603 7965 6767
Laman web : www.nestle.com.my

PENDAFTAR SAHAM

Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [118401-V]
Tingkat 17, The Gardens North Tower,
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Telefon : +603 2264 3883
Faksimili : +603 2282 1886

JURUAUDIT

KPMG [No. Firma AF 0758]
Akauntan Bertauliah
Tingkat 10, Menara KPMG
8, First Avenue, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Telefon : +603 7721 3388
Faksimili : +603 7721 3399

BANK-BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad [3813-K]
HSBC Bank Malaysia Berhad [127776-K]

PENYENARAIAH BURSA SAHAM

Pasaran Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad
[635998-W]

Data Korporat

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 25 Februari 2002. Beliau adalah Pengerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit serta Jawatankuasa Pencalonan. Beliau memulakan kerjayanya dengan Malaysian Airlines Systems Berhad pada tahun 1975 sebagai Akauntan Kewangan, sebelum memegang jawatan kanan dalam pelbagai syarikat seperti Price Waterhouse Australia, D & C Nomura Merchant Bank Berhad, Amanah Capital Partners Berhad dan beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Panel Pelaburan di Lembaga Tabung Haji. Kini beliau juga adalah Pengerusi/Pengarah Cahya Mata Sarawak Berhad. Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail adalah pemegang Sarjana Muda Kesusasteraan dalam bidang Perakaunan dari Universiti Macquarie di Sydney, Australia. Beliau seorang Akauntan Bertauliah dari Institut Perakaunan Malaysian dan beliau juga adalah Pengamal Akauntan Bertauliah dari Australian Society of Certified Practising Accountants, selepas memperolehi kelayakan pada tahun 1984. Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan

perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/ atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

**TAN SRI DATO' SERI SYED ZAINOL
ANWAR JAMALULLAIL**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Pengerusi Lembaga Pengarah
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan
Warganegara Malaysia, berumur 59 tahun



Profil Lembaga Pengarah

Profil Lembaga Pengarah

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 30 April 2003. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan. Beliau mempunyai latarbelakang kerjaya yang pelbagai, di mana beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Pemasaran dan Jualan Syarikat, kemudian pada tahun 1974 beliau telah menyertai Shell Malaysia selama 20 tahun sebelum berkhidmat dengan New Toyo, Mofaz, dengan jawatan terakhirnya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di Proton Holdings Berhad. Kini beliau juga merupakan Pengerusi Tien Wah Press Holdings Berhad dan Pengarah Lembaga Penasihat Sekolah Lulusan Ijazah Perniagaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau sebelum ini merupakan ahli Lembaga Penasihat Serantau London Business School and kini berkhidmat dalam pejabat Ahli Ilmiah Terunggul untuk Sekolah tersebut. Beliau telah dilantik sebagai Pemegang Amanah bagi Yayasan Keamanan Global Perdana ["PGPF"] pada Mac 2011. Beliau juga adalah salah seorang daripada tiga Perwakilan Malaysia di Komuniti Ekonomi Asia Pasifik ["APEC"] dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN ["ABAC"]. Beliau pernah dianugerahkan Malaysia's CEO of the Year oleh Business Times dan American Express Corporate Services pada tahun 2001 dan juga Doktor Kehormat dalam bidang kejuruteraan dari Universiti Teknologi Malaysia ["UTM"] untuk sumbangannya kepada kapasiti kejuruteraan Malaysia, serta Automotive Man of the Year di majlis anugerah New Straits Times-Mastercard Car of the Year pada tahun 2004. Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan [Kepujian] dari Universiti Malaya pada tahun 1970 dan telah menghadiri beberapa kursus yang dikendalikan oleh Universiti Harvard, London School of Economics dan Manchester Business School dalam bidang Strategi, Pengurusan Strategik dan Pemasaran. Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

TENGU TAN SRI DR. MAHALEEL BIN TENGKU ARIFF

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Ahli Jawatankuasa Pencalonan
Warganegara Malaysia, berumur 64 tahun



Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 1 Jun 2007. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Audit serta Pengerusi Jawatankuasa Imbuan. Beliau telah memulakan kerjayanya sebagai seorang Penganalisa dengan Esso Malaysia Berhad pada tahun 1973 dan sebelum menyertai Syarikat pada tahun 1981, beliau telah memegang pelbagai jawatan penting dalam beberapa syarikat tempatan. Beliau juga telah memegang beberapa jawatan penting dalam kumpulan syarikat Nestlé, di Malaysia dan negara-negara lain, sebelum bersara pada April 2006. Kini beliau juga merupakan pengarah Felda Global Ventures Holdings Sdn. Bhd., Malaysian AgriFood Corp. Berhad, dan Pengerusi Cold Chain Network Sdn. Bhd. [anak syarikat Malaysian AgriFood Corp. Berhad]. Beliau juga merupakan Pengerusi/Pengarah Biotropics Malaysia Berhad. Biotropics Malaysia Berhad adalah pemilik tunggal Phytes Biotek Sdn. Bhd., yang merupakan salah satu pembekal bahan mentah kepada anak syarikat Syarikat. Walau bagaimanapun, Phytes Biotek Sdn. Bhd. berurusan dengan anak syarikat tersebut atas dasar sama rata dengan syarikat pembekal yang lain. Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad adalah seorang Akauntan Bertauliah dari Institut Perakaunan

Malaysia dan ahli Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom ["ACCA"]. Beliau memegang 27,000 saham Syarikat tetapi tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/ atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

**DATO' MOHD. RAFIK
BIN SHAH MOHAMAD**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Pengerusi Jawatankuasa Imbuan
Warganegara Malaysia, berumur 60 tahun




Profil Lembaga Pengarah

Datuk Rafiah Binti Salim telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 17 April 2009. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Imbuan. Beliau mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang dalam sektor awam dan swasta, dan di peringkat antarabangsa, pernah berkhidmat sebagai Pensyarah, Timbalan Dekan dan Dekan di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, sebagai Penolong Setiausaha Agung bagi Pengurusan Sumber Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu [“PBB”] di New York, sebagai Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, dan sebagai Pengurus Besar Sumber Manusia di Malayan Banking Berhad. Sebelum ini, beliau juga pernah menjawat sebagai Pengarah Eksekutif Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa dan pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai wanita pertama yang memegang jawatan Naib Canselor di Malaysia, berkhidmat di Universiti Malaya. Kini beliau juga merupakan Pengarah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan telah dilantik sebagai Pengerusi Malaysian Genomics Resource Centre Berhad. Datuk Rafiah Binti Salim, adalah pemegang ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda dalam Undang-undang dari Universiti Queen’s Belfast, United Kingdom dan telah dianugerahkan Doktor Kehormat oleh Universiti yang sama pada tahun 2002. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1988. Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Datuk Rafiah Binti Salim telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.



DATUK RAFIAH BINTI SALIM

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Ahli Jawatankuasa Imbuan
Warganegara Malaysia, berumur 64 tahun



Dato' Frits van Dijk telah dilantik sebagai pengarah Syarikat sejak 26 April 2006. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan. Beliau telah berkhidmat dengan kumpulan syarikat Nestlé selama 40 tahun, bermula pada tahun 1970 sebagai Wakil Jualan Nestlé UK dan kini beliau adalah Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah bagi Nestlé S.A. Sebelum itu, beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan di dalam kumpulan Syarikat Nestlé di beberapa negara seperti India, Filipina, Sri Lanka dan Jepun. Beliau pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Operasi dan seterusnya sebagai Ketua Pasaran Syarikat dari tahun 1987 hingga tahun 1995. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pasaran di Nestlé Jepun dan sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Waters. Dato' Frits van Dijk adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari School of Economics ["HES"], Rotterdam, Belanda, dan juga telah menghadiri Program Pembangunan Eksekutif di International Institute for Management Development, di Lausanne, Switzerland. Beliau memegang 8,000 saham dalam Syarikat tetapi tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/ atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Dato' Frits van Dijk telah menghadiri 2 [dua] daripada 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

DATO' FRITS VAN DIJK

Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Pencalonan
Ahli Jawatankuasa Imbuan
Warganegara Belanda, berumur 63 tahun

Profil Lembaga Pengarah

Peter Vogt, Pengarah Urusan Syarikat, telah dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 16 September 2009. Beliau telah berkhidmat dengan kumpulan syarikat Nestlé seluruh dunia selama lebih 30 tahun, bermula pada tahun 1980 sebagai pelatih di Nestlé S.A., Vevey. Sebelum pelantikannya di Malaysia, beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan di pasaran Nestlé yang lain, kebanyakannya di Asia [Jepun, Hong Kong, Malaysia, Sri Lanka dan Indonesia]. Semasa perkhidmatan terdahulu beliau di Malaysia, Peter Vogt, memegang jawatan Pengurus Bahagian Pemasaran Syarikat dari tahun 1990 hingga tahun 1994. Seterusnya, Peter Vogt mengetuai pelbagai operasi Nestlé di Switzerland, Scandanavia dan Jerman, di mana selepas itu beliau dilantik sebagai Pengarah Presiden [Ketua Pegawai Eksekutif] PT Nestlé Indonesia, syarikat makanan kedua terbesar di Indonesia. Peter Vogt adalah graduan dari Universiti St. Gallen, Switzerland. Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Peter Vogt telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

PETER VOGT

Pengarah Urusan
Warganegara Swiss, berumur 56 tahun





Marc Seiler, Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan Syarikat, telah dilantik sebagai pengarah syarikat pada 1 Disember 2008. Beliau memulakan kerjayanya sebagai juruaudit luar di Coopers and Lybrand, sebelum menyertai kumpulan syarikat Nestlé pada tahun 1990 sebagai Pengurus Perancangan Kewangan Nestlé Waters di Paris. Seterusnya beliau dipindahkan ke Nestlé Waters, Amerika Utara, di mana beliau telah memegang beberapa jawatan penting termasuk Pengarah Perancangan Korporat, Pengarah Kewangan Rantai Bekalan, Pengarah Perbelanjaan Promosi Perdagangan, Ketua Pegawai Kewangan Kanada, Ketua Pegawai Kewangan Bahagian Runcit Amerika Syarikat, dengan jawatan terakhirnya sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan, Penggabungan & Pemerolehan. Marc Seiler merupakan graduan Ecole Supérieure de Commerce de Paris, Perancis, dengan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan serta Diploma Perakaunan & Kewangan [Diplome d'Études Supérieures Comptables et Financières]. Beliau tidak memegang sebarang saham dalam Syarikat, tiada konflik kepentingan dengan Kumpulan Syarikat, tiada kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan membabitkan Kumpulan Syarikat, tiada pertalian keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, melainkan kesalahan trafik, jika ada. Marc Seiler telah menghadiri kesemua 4 [empat] mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

MARC SEILER

Pengarah Eksekutif
[bertanggungjawab bagi Kewangan & Kawalan]
Warganegara Perancis, berumur 46 tahun

Kumpulan Pengurusan



PETER VOGT

Pengarah Urusan

Peter Vogt adalah Pengarah Urusan Syarikat dan dilantik sebagai pengarah Syarikat pada 16 September 2009. Memiliki lebih 30 tahun pengalaman dengan Nestlé di seluruh dunia, Peter Vogt telah memegang pelbagai jawatan kanan di dalam pasaran Nestlé lain, kebanyakannya di Asia [Jepun, Hong Kong, Malaysia, Sri Lanka dan Indonesia]. Semasa beliau ditugaskan ke Malaysia dahulu, beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Bahagian Pemasaran Syarikat dari 1990 hingga 1994. Beliau seterusnya mengetuai pelbagai operasi Nestlé di Switzerland, Scandinavia dan Jerman, yang mana seterusnya beliau dilantik sebagai Pengarah Presiden [Ketua Pegawai Eksekutif] PT Nestlé Indonesia. Peter Vogt adalah seorang lulusan dari Universiti St. Gallen, Switzerland.

ARIFFIN BIN BURANUDEEN

Pengarah Eksekutif, Rantai Bekalan
[bersara pada 1 April 2011]

Ariffin Buranudeen adalah Pengarah Eksekutif Rantai Bekalan Kumpulan Syarikat. Beliau telah berkhidmat dengan Syarikat selama lebih 30 tahun termasuk tugas luar negara. Dari 1996-1997, Ariffin Buranudeen telah ditugaskan ke Nestec S.A. Switzerland sebagai Perancang Lojistik dan seterusnya dari 2001 hingga 2002 beliau dilantik sebagai Wakil Pasaran Percubaan bagi Projek GLOBE. Beliau juga adalah Penasihat Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé "ROCKS". Ariffin Buranudeen memegang Ijazah Sarjana dalam Teknologi & Pengurusan Pengedaran, Cranfield United Kingdom dan Ijazah Institut Pengangkutan Bertauliah [UK] dari Universiti Teknologi Mara [sebelum ini dikenali sebagai Institut Teknologi Mara].



ZAINUN NUR BINTI ABD. RAUF

Pengarah Eksekutif Sumber Manusia & Perhubungan Korporat Kumpulan
[dilantik pada 1 November 2010]

Zainun Nur adalah Pengarah Sumber Manusia & Perhubungan Korporat Kumpulan. Beliau mula berkhidmat dengan Syarikat pada tahun 1998 sebagai Pengurus Jenama Kumpulan untuk bahagian Breakfast Cereal [Bijirin Sarapan Pagi]. Beliau kemudiannya berpindah ke unit perniagaan FoodServices [kini dikenali sebagai Nestlé Professional], diikuti dengan Bahagian Perkhidmatan Pelanggan. Pada tahun 2005, beliau berpindah semula ke FoodServices sebagai Pengurus Perniagaan Negara untuk Malaysia dan Singapura di mana beliau bertugas menguruskan pasaran makanan dan minuman diluar-rumah. Zainun Nur memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan [MBA] dari Institut Pemasaran, United Kingdom.

MARC SEILER

Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan

Marc Seiler adalah Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan Syarikat. Beliau dilantik sebagai Pengarah Syarikat pada 1 Disember 2008. Sebelum menyertai kumpulan syarikat Nestlé, Marc Seiler merupakan seorang juruaudit luar Coopers and Lybrand. Marc Seiler menyertai kumpulan syarikat Nestlé pada tahun 1990 sebagai Pengurus Perancangan Kewangan Nestlé Waters di Paris. Beliau kemudian dipindahkan ke Nestlé Waters, Amerika Utara di mana beliau memegang pelbagai jawatan kanan dengan jawatan terakhirnya sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan, Penggabungan & Pemerolehan. Marc Seiler adalah lulusan dari Ecole Supérieure de Commerce de Paris, France dengan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan dan Diploma Perakaunan & Kewangan [Diplome d'Etudes Supérieures Comptables et Financières].

IZHAM MOHAMED

Pengarah Eksekutif, Makanan

Izham Mohamed adalah Pengarah Eksekutif unit perniagaan Makanan. Izham menyertai Syarikat selepas tamat pengajian kolej sebagai Pelatih Pemasaran pada tahun 1979 dan telah berada dalam bidang Jualan & Pemasaran sejak itu. Pada tahun 1993, beliau telah ditugaskan ke Unit Perniagaan Strategik Makanan di Switzerland dan dari tahun 1996 sehingga 1997 beliau telah ditugaskan ke Nestlé [Thailand] Inc. Izham menghabiskan sebahagian besar dari 31 tahun perkhidmatannya di Syarikat bersama MAGGI, di mana beliau membantu untuk mengembangkan jenama tersebut sehingga ia menjadi jenama yang kukuh di Malaysia. Izham adalah lulusan Institut Teknologi MARA dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan [Sains Keputusan] dari Universiti San Francisco, Amerika Syarikat.

Kumpulan Pengurusan

VICTOR SEAH

Pengarah Eksekutif, Jualan

Victor Seah adalah Pengarah Eksekutif Jualan sejak 1 Januari 2008 dan telah berkhidmat dengan Syarikat selama 5 tahun. Sebelum menyertai Syarikat, beliau telah mempunyai lebih 10 tahun pengalaman dalam bidang barangan konsumer [FMCG], Runcit dan Perkhidmatan Perundingan di dalam pelbagai bidang termasuk Jualan, Pemasaran, Kewangan dan Pengurusan Umum di Amerika Syarikat dan rantau Asia Pasifik. Beliau kemudian ditugaskan di Singapura selama 1 tahun sebagai Pengurus Perniagaan Negara bagi perniagaan FoodServices [kini dikenali sebagai Nestlé Professional]. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian Kelas Satu dari Universiti Southern Illinois, Amerika Syarikat.

DETLEF KROST

Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran

Detlef Krost adalah Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran dan telah ditukarkan dari Nestec S.A., Switzerland ke Syarikat ini pada 1 Ogos 2009. Beliau juga telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah Syarikat pada tarikh yang sama. Detlef Krost mempunyai lebih 27 tahun pengalaman bersama Nestlé di mana beliau telah berkhidmat di dalam pelbagai jawatan termasuk Pengurus Pengeluaran, Koordinator Projek dan Ketua Kumpulan Produktiviti Nestlé. Detlef Krost mempunyai ijazah dalam bidang kejuruteraan dari Technische Fachhochschule Berlin [TFH Berlin University for Applied Science] [kini dikenali sebagai Beuth Hochschule für Technik Berlin] dalam Sains dan Teknologi Makanan.

ABDUL WAHAB BIN ABU BAKAR

Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia
[bersara pada 1 Januari 2011]

Abdul Wahab Abu Bakar merupakan Pengarah Eksekutif Sumber Manusia Kumpulan Syarikat. Sebelum berkhidmat dengan Syarikat, beliau pernah berkhidmat antara lain, di Malaysia Airlines System [MAS], ESSO Malaysia dan Citibank. Abdul Wahab Abu Bakar juga memberi khidmat nasihat kepada Pasaran Nestlé lain seperti Sri Lanka dan Vietnam untuk mengesyorkan penubuhan dan menilai fungsi-fungsi Sumber Manusia. Beliau juga merupakan ahli Kumpulan Sumber Manusia bagi Nestlé di seluruh dunia yang bertugas untuk membentuk dan menyarankan Blue Print bagi inisiatif Global Business Excellence [GLOBE]. Abdul Wahab Abu Bakar adalah seorang graduan Ekonomi [Kepujian] dari Universiti Malaya dan seorang ahli Alumni International Management Development [IMD].



CHEW SOI PING

Pengarah Eksekutif, Ais Krim

Chew Soi Ping dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Ais Krim pada 1 May 2008. Chew Soi Ping memulakan kerjayanya dengan Syarikat sebagai Pelatih Pengurusan pada Januari 1998 dan dari 1989 hingga 1994, beliau telah memegang pelbagai jawatan berkaitan jenama termasuk perniagaan Makanan, Tenusu dan Produk Dingin. Dari 1996 hingga 1998, beliau telah dihantar ke Switzerland untuk ekspatriasi dan mengambilalih jawatan sebagai Pembantu Rantau bagi Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah. Chew Soi Ping memiliki Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dari Universiti Central Arkansas, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pemasaran [Kepujian] dari Universiti Ozarks, Arkansas, Amerika Syarikat.

PATRICK HARTLESS

Pengarah Eksekutif, Rantai Bekalan
[dilantik pada 1 Mac 2011]

Patrick Hartless adalah Pengarah, Rantai Bekalan Kumpulan Syarikat. Beliau telah berkhidmat dengan Nestlé selama 7 tahun. Patrick Hartless menyertai Syarikat dari Nestlé UK di mana beliau adalah Ketua Rantai Bekalan bagi Bahagian Makanan & Minuman. Beliau pernah berkhidmat di Kraft, UK dan juga Ashland Chemicals di Eropah dan Amerika Syarikat dan juga Timur Tengah. Patrick Hartless mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Loughborough, United Kingdom dan juga Ijazah Sarjana di dalam bidang Sains dari Universiti Cranfield.

DONALD HOWAT

Pengarah Eksekutif, Kopi & Minuman

Donald Howat adalah Pengarah Eksekutif, unit perniagaan Kopi & Minuman. Beliau telah berkhidmat dengan Nestlé selama lebih 18 tahun termasuk peranan-peranan antarabangsa. Donald Howat pernah bertugas selama 3 tahun di Nestlé Rusia di mana beliau bertanggungjawab untuk perniagaan kopi dan minuman. Beliau juga pernah bertugas di Switzerland sebagai Pengarah Komersial yang bertanggungjawab untuk Pasaran Membangun di Unit Perniagaan Strategik Kopi dan Minuman. Donald Howat merupakan graduan pengajian Perniagaan dari Manchester Metropolitan University, United Kingdom.



Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Selama ini, Syarikat dan Lembaga Pengarah amat tegas dalam memastikan bahawa perniagaan dan hal-hal berkaitan Syarikat adalah berlandaskan kepada doktrin serta prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik seperti kejujuran, ketelusan, ketanggungjawaban dan tatalaku perniagaan yang bertanggungjawab.

Sebagai anak syarikat Nestlé S.A., Vevey, Switzerland, Syarikat telah menggunakan “Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat” syarikat induknya sebagai asas amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.

Prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang diamalkan oleh Syarikat meliputi sebahagian besarnya, 4 [empat] bidang seperti berikut:

- Hak-hak dan tanggungjawab pemegang-pemegang saham;
- Kesamarataan layanan terhadap pemegang-pemegang saham;
- Tugas-tugas dan tanggungjawab para pengarah; dan
- Pendedahan serta ketelusan

Prinsip-prinsip yang digunakan oleh Syarikat adalah selaras dengan prinsip-prinsip dan amalan-amalan yang dinyatakan dalam syarat-syarat luaran seperti Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia [Disemak 2007][“Kod Malaysia”] dan perenggan-perenggan 15.25 serta 15.26 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities

Berhad. [“Syarat-Syarat Penyenaraian”] dan juga syarat-syarat dalaman seperti Kod Tadbir Urus Perniagaan Nestlé [“Kod Nestlé”].

Kod Nestlé yang digunakan adalah selaras dengan prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik yang diterapkan oleh Kod Malaysia serta perkembangan terbaru dalam amalan-amalan tadbir urus terbaik yang diiktiraf secara global. Prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik ini diamalkan oleh seluruh Kumpulan Syarikat.

Kod Nestlé menentukan kelakuan kesemua warga kerja Syarikat termasuk Lembaga Pengarah. Contoh-contoh yang terdapat dalam Kod Nestlé termasuk, pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan pengawalan, menghindari keadaan dimana terdapat konflik kepentingan, kepentingan dalam perniagaan yang bersaing, larangan menggunakan maklumat dalaman, peluang-peluang korporat, perniagaan dalaman, pengaduan salah laku/pendedahan rahsia dan tiada aktiviti-aktiviti yang tidak jujur.

Selain daripada Kod Nestlé, Syarikat turut berpandukan Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat Nestlé [“Prinsip-Prinsip Perniagaan Nestlé”]. Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé merangkumi isu-isu penting termasuk Tanggungjawab Sosial Korporat [“CSR”] atau bagi Syarikat, lebih dikenali sebagai Menjana Nilai Bersama [“CSV”] yang dicipta untuk disesuaikan dengan ciri-ciri unik perniagaan barangan pengguna. Sepuluh prinsip-prinsip ini diringkaskan seperti berikut:

- Kami menggembirakan para pengguna [Prinsip-prinsip 1, 2, 3]
- Kami mengambil berat terhadap para pengguna [Prinsip-prinsip 4, 5, 6]
- Kami membangunkan kerjasama perniagaan yang bertanggungjawab [Prinsip-prinsip 7, 8]
- Kami menggalakkan kemampanan [Prinsip-prinsip 9, 10]

Syarikat komited terhadap piawaian etika yang tinggi dan menganggapnya sebagai kunci utama dalam kejayaan prestasi Syarikat. "Prinsip-prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé" yang dikeluarkan oleh Nestlé S.A. telah digunapakai di dalam Syarikat dan telah dikongsi dengan setiap warga kerja menurut tugas mereka.

Kod Nestlé, Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé dan Prinsip-prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé disediakan untuk setiap warga kerja serta Pengarah-pengarah dalam intranet Syarikat dan Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé boleh didapati di laman web korporat Syarikat di www.nestle.com.my. Salinan dokumen-dokumen tersebut boleh didapatkan dari Setiausaha Syarikat.

Selain daripada Kod Nestlé, Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé dan Prinsip-prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé, Syarikat turut menyediakan polisi-polisi serta garis panduan dalaman untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik. Polisi-polisi, piawaian-piawaian serta garis panduan dalaman ini termasuk Kod Pembekal Nestlé dan Arahan Tetap Syarikat bagi Memperolehi Perkhidmatan yang bermatlamat untuk mendapatkan pembekal-pembekal perkhidmatan yang berkualiti untuk melindungi perkhidmatan pelanggan Syarikat serta proses pembidaan yang kompetitif dan telus untuk memberikan harga yang kompetitif.

Anugerah-anugerah berikut merupakan testimoni kepada komitmen Syarikat untuk menguruskan perniagaannya dengan penuh tanggungjawab walaupun dalam keadaan harga komoditi yang tidak menentu:

Anugerah Perpaduan

- Anugerah "Kalung Perpaduan"
Di majlis pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2010, Syarikat telah dianugerahkan Anugerah "Kalung Perpaduan" di bawah kategori Korporat. Acara tersebut telah dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Kebangsaan dan telah diadakan pada 21 Mei 2010 di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka di Ayer Keroh.

Anugerah Pelaporan

- Anugerah Laporan Kemampanan Malaysia ACCA [MaSRA] 2010
Syarikat telah diberikan Anugerah Kepujian kerana melaporkan tentang Penglibatan dan Penyertaan Pihak Berkepentingan serta mengenal pasti pemegang-pemegang berkepentingannya yang termasuk warga kerja dan alam sekitar serta pengguna dan pasaran.

Anugerah Tadbir Urus Korporat

- Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2010 [Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti, MSWG]
Syarikat telah diberi pengiktirafan pada majlis Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat yang dianjurkan oleh Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti [MSWG]. Syarikat telah menerima Anugerah Cemerlang dan Anugerah CSR Terbaik.

Anugerah Rekabentuk Laporan Tahunan [Platinum]

- Anugerah Laporan Korporat Kebangsaan [NACRA] 2010
Syarikat telah dianugerahkan Anugerah Platinum bagi Kategori Rekabentuk Laporan Tahunan. Ini adalah anugerah tertinggi bagi kategori ini. Acara ini adalah usahasama Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan [MIA], dan Institut Akauntan Awam Bertauliah [MICPA].

"Nestlé mengikuti strategi amalan terbaik tadbir urus korporat. Pematuhan membina kepercayaan. Ia membentuk satu dasar bagaimana kami menjalankan perniagaan dan merupakan lapisan pertama bagi penjana nilai bersama kita"

Laporan Pengurusan Nestlé S.A. 2009

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah mematuhi syarat-syarat yang dimandatkan oleh Syarat-Syarat Penyenaraian dan seperti yang ditetapkan oleh prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik Kod Malaysia. Pada tarikh Kenyataan ini dikeluarkan, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah adalah seimbang dalam keadaan penubuhannya untuk menghadapi mana-mana cabaran perniagaan dan memacu perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dari latar belakang profesional yang pelbagai serta mempunyai pengalaman yang luas, kemahiran dan kepakaran. Pada 31 Disember 2010, Lembaga Pengarah terdiri daripada 7 [tujuh] ahli, 5 [lima] daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif [termasuk Pengerusi] dan 2 [dua] daripada mereka merupakan Pengarah Eksekutif. 4 [empat] daripada 5 [lima] daripada Pengarah Bukan Eksekutif merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Pada 31 Disember 2010, ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Pengerusi Lembaga Pengarah
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Ahli Jawatankuasa Pencalonan

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan

Datuk Rafiah Binti Salim
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Audit
Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Dato' Frits van Dijk
Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli Jawatankuasa Pencalonan
Ahli Jawatankuasa Imbuhan

Peter Vogt
Pengarah Urusan
Pengarah Silih Ganti kepada Marc Seiler

Marc Seiler
Pengarah Eksekutif
Pengarah Silih Ganti kepada Peter Vogt

Detlef Krost
Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Frits van Dijk

Kadar 2/3 [dua-pertiga] Pengarah Bebas Bukan Eksekutif memenuhi kriteria yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Penyenaraian.

Struktur semasa Lembaga Pengarah memastikan yang tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Seterusnya, peranan-peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan dipegang berasingan, dan pembahagian tanggungjawab mereka digariskan dengan jelas, dengan setiap seorang mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang berbeza dan jelas.

Pengerusi bertanggungjawab ke atas kepimpinan Lembaga Pengarah, memastikan keberkesananannya dan menyediakan agenda untuk semua mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah. Sebaik sahaja objektif-objektif dan strategi-strategi telah dikaji semula dan diterima oleh Lembaga Pengarah pada keseluruhannya, tanggungjawab Pengarah Urusan adalah bagi memastikan penyempurnaan objektif-objektif tersebut serta strategi-strategi dalam bidang kuasa yang diwakilkan oleh Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan bertanggungjawab untuk pengendalian hala tuju Kumpulan serta pengurusan harian Syarikat.

la merupakan tugas Pengarah Urusan, bekerjasama dengan pihak Kumpulan Pengurusan Syarikat, untuk menguruskan perniagaan Syarikat secara yang konsisten dengan Kod Nestlé dan Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé serta sejajar dengan mana-mana rancangan khusus serta arahan-arahan dari Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah merupakan profesional yang mempunyai kaliber dan integriti yang tinggi dan mereka memiliki pengetahuan mendalam dan pengalaman perniagaan untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas-tugas mereka dengan berkesan.

Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengarahkan penilaian risiko, perancangan strategik, perancangan penggantian dan pengurusan pengendalian dan kewangan Syarikat untuk memastikan bahawa kewajipan-kewajipan kepada pemegang saham dan pemegang berkepentingan lain difahami serta dipenuhi. Lembaga Pengarah memberikan kepimpinan yang diperlukan bagi membolehkan objektif-objektif perniagaan Syarikat dipenuhi selaras dengan rangka kerja kawalan-kawalan dalaman sepertimana yang dinyatakan dalam Kenyataan ini. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menentukan semua dasar-dasar utama, menyemak sistem kawalan dalaman, memastikan strategi-strategi yang berkesan dan pengurusan siap diatur, untuk mengkaji prestasi Syarikat serta Kumpulan Pengurusannya.

Dalam menjalankan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah berpandukan kod-kod etika dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Kod Nestlé dan Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé selain daripada Kod Malaysia. Kod Nestlé and Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé merangka kelakuan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi dan Pengarah Urusan. Lembaga Pengarah memastikan pematuhan dipantau melalui satu proses di mana pengisytiharan pematuhan mereka diperolehi dari semua Pengarah dan Kumpulan Pengurusan dan ini termasuk pendedahan mana-mana situasi-situasi yang menunjukkan konflik kepentingan.

Di antara tugas-tugas utama yang mana Lembaga Pengarah dipertanggungjawabkan termasuk mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem-sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini, menyemak dan mengambil rancangan strategik untuk Syarikat, menyemak samada sistem kawalan dalaman Syarikat adalah memadai dan berintegriti, termasuk sistem untuk pematuhan undang-undang yang tersedia, peraturan-peraturan, arahan-arahan serta garis-garis panduan.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab bersama terhadap pengurusan Syarikat. Pengarah-pengarah Eksekutif bertanggungjawab untuk membawa penilaian dan penelitian yang bebas terhadap keputusan yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan menyediakan cabaran-cabaran yang objektif kepada pengurusan.

Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tidak terlibat dalam pengurusan harian Syarikat dan tidak melibatkan diri dalam mana-mana urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Syarikat untuk memastikan bahawa mereka berkebolehan untuk memberikan pertimbangan secara objektif dan bertindak dalam kepentingan terbaik Syarikat, para pemegang sahamnya serta pemegang-pemegang saham minoriti.

Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab untuk mengisytiharkan dividen-dividen dan meluluskan kenyataan-kenyataan kewangan dan polisi-polisi Syarikat. Tugas-tugas lain Lembaga Pengarah adalah untuk mempertimbangkan perancangan penggantian, termasuk melantik, menjalani latihan, menetapkan imbuhan dan jika wajar menggantikan Kumpulan Pengurusan.

Seterusnya, Lembaga Pengarah juga ditugaskan untuk menentukan urusan perniagaan serta aktiviti-aktiviti berikut:

- Pemerolehan dan pelupusan atau penutupan suatu perniagaan;
- Penubuhan perniagaan baru;
- Pelan strategik tahunan;
- Pelaburan modal dan pelupusan aset-aset nyata dari perniagaan yang ada kepada pihak ketiga;
- Cadangan untuk pinjaman-pinjaman atau pemberian kemudahan kredit oleh satu anak syarikat dari sebuah syarikat di dalam kumpulan;

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

- Peningkatan atau pengurangan modal terbitan atau rasmi oleh satu anak syarikat;
- Penebusan tidak dirancang atau bayaran balik pinjaman awal;
- Sebarang penyusunan semula korporat yang tidak termasuk dalam perkara-perkara di atas; dan
- Penukaran nama sebarang syarikat di bawah kumpulan atau penubuhan sebarang syarikat baru.

Kumpulan Pengurusan

Dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugas yang disebutkan di atas, Lembaga Pengarah dibantu oleh pengurusan kanan Syarikat, iaitu Kumpulan Pengurusan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang memegang jawatan-jawatan berikut:

1. Pengarah Urusan;
2. Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan;
3. Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran;
4. Pengarah Eksekutif, Makanan;
5. Pengarah Eksekutif, Jualan;
6. Pengarah Eksekutif, Rantai Bekalan;
7. Pengarah Eksekutif, Sumber Manusia;
8. Pengarah Eksekutif, Kopi dan Minuman; dan
9. Pengarah Eksekutif, Ais Krim.

la penting bagi Lembaga Pengarah dan Kumpulan Pengurusan untuk melengkapkan satu sama lain. Kumpulan Pengurusan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar dan keputusan Lembaga Pengarah, menyelia operasi serta membangun, menyelaraskan bersama dan melaksanakan perniagaan dan strategi-strategi korporat.

Dari masa ke semasa, apabila Lembaga Pengarah perlu mengemaskinikan maklumat relevan dari mana-mana ahli-ahli Kumpulan Pengurusan, ahli berkaitan dalam Kumpulan Pengurusan akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah untuk menyediakan Lembaga Pengarah dengan maklumat relevan atau terkini yang diperlukan.

Setiausaha Syarikat

Selain dari Kumpulan Pengurusan, Setiausaha Syarikat turut menyokong Pengerusi untuk memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan. Setiausaha Syarikat mengatur dan turut hadir dalam kesemua mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya serta memastikan bahawa terdapat rakaman isu-isu yang dibincangkan, keputusan dan kesimpulan-kesimpulan yang betul dan tepat disimpan untuk perbincangan. Setiausaha Syarikat merakamkan, menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya untuk memastikan bahawa minit disimpan dengan betul di pejabat berdaftar Syarikat dan dikeluarkan untuk pemeriksaan, jika diperlukan.

Disamping itu juga, Setiausaha Syarikat juga menyampaikan maklumat terkini kepada Lembaga Pengarah mengenai sebarang pindaan bagi Keperluan Penyenaian, catatan-catatan amalan dan bimbingan, surat-surat pekeliling dari Bursa Malaysia Securities Berhad serta pembaharuan dalam undang-undang atau peraturan serta impaknya terhadap Syarikat dan perniagaannya. Semua Pengarah mempunyai akses bagi nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat dilantik dan boleh dipecat oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menjadualkan 4 [empat] mesyuarat dalam setahun untuk mempertimbangkan segala perkara berkaitan dengan kawalan menyeluruh, prestasi perniagaan dan strategi Syarikat. Mesyuarat-mesyuarat tambahan akan dipanggil jika dan apabila perlu.

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syarikat untuk sepanjang tahun telah dijadualkan dalam suku ketiga tahun sebelumnya supaya Pengarah-pengarah dapat merancang waktu mereka terlebih dahulu dan memastikan yang mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah dimasukkan dalam jadual masing-masing.

Dalam tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2010, 4 [empat] Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan.

Jadual berikut menunjukkan kehadiran Pengarah-pengarah di mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun 2010:

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail	4/4
Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff	4/4
Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad	4/4
Datuk Rafiah Binti Salim	4/4
Dato' Frits van Dijk	2/4
Peter Vogt	4/4
Marc Seiler	4/4

* Tan Sri Dato' Ernst Zulliger telah menghadiri 2/2 mesyuarat sebelum bersara pada 22 April 2010.

Di mana arahan atau keputusan diperlukan dengan cepat atau segera dari Lembaga Pengarah di antara mesyuarat-mesyuarat tetap, mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah khas dianjurkan oleh Setiausaha Syarikat, selepas rundingan dengan Pengerusi. Agenda untuk mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah akan dibuat oleh Pengerusi setelah berunding dengan Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat.

Keputusan Lembaga Pengarah dibuat dengan sebulat suara atau dengan persetujuan sebulat suara. Di mana sesuai, antara mesyuarat yang dijadualkan dan mesyuarat khas, keputusan boleh diambil dengan cara Surat Pekeliling Resolusi Pengarah. Dalam tahun 2010, 10 [sepuluh] resolusi-resolusi telah diluluskan oleh Pengarah-Pengarah melalui Resolusi Surat Pekeliling.

Lembaga Pengarah mempunyai satu jadual tetap yang mengandungi hal-hal yang termasuk dalam agenda dan dikaji semula sepanjang tahun iaitu, Laporan Suku Tahun Pengarah Urusan, Keputusan Suku Tahunan yang belum di Audit serta cadangan-cadangan yang dibuat dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Audit. Antara agenda lain termasuklah:

1. Pembentangan-pembentangan oleh Pengarah Urusan;
2. Keputusan Suku Tahunan Yang Belum Diaudit;
3. Rancangan Syarikat;
4. Kesemua pengumuman yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad;
5. Aktiviti-aktiviti Menjana Nilai Bersama Syarikat;
6. Laporan Tahunan Syarikat [yang termasuk Kenyataan Tadbir Urus Korporat, Penyata Mengenai Kawalan Dalaman, Laporan Jawatankuasa Audit dan Kenyataan Jawatankuasa Menjana Nilai Bersama];
7. Laporan Kewangan Syarikat yang telah Diaudit; dan
8. Panduan Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Berhad.

Kumpulan pengurusan atau penasihat-penasihat luar dijemput, apabila perlu, untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya untuk menasihati dan menyediakan maklumat dan penjelasan mengenai perkara-perakara yang dibentangkan di dalam agenda kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya untuk membolehkan mereka mencapai satu keputusan yang telah dipertimbangkan.

Jawatankuasa dan Jawatankuasa Kecil Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menubuhkan 3 [tiga] Jawatankuasa Pengarah utama di mana ia telah diberi tanggungjawab tertentu. Mereka adalah Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan.

Untuk memastikan kelancaran dalam menjalankan tugas bagi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah, setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan menurut arahan terma rujukan yang jelas yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua Jawatankuasa mempunyai peranan-peranan/fungsi-fungsi mereka, terma-terma rujukan bertulis, prosedur-prosedur pentadbiran serta pihak-pihak bertanggungjawab yang jelas. Lembaga Pengarah mengkaji kuasa serta terma rujukan Jawatankuasa dari masa ke semasa.

Setiap Jawatankuasa perlu mengemukakan kepada Lembaga Pengarah, laporan-laporan pertimbangan dan cadangan-cadangan masing-masing, dan semua pertimbangan serta keputusan yang diambil perlu diminitkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa pada mesyuarat Lembaga Pengarah berikutnya.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada 31 Disember 2010 dan kehadiran Ahli-ahli pada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dalam tahun 2010 ialah seperti berikut:

Ahli	Kehadiran		
	Mesyuarat Jawatankuasa Audit*	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan**	Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan
1. Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail [Pengerusi] Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	4/4	**	–
2. Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	4/4	**	–
3. Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	4/4	–	1/1
4. Datuk Rafiah Binti Salim Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif	4/4	–	1/1
5. Dato' Frits van Dijk Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif	–	**	1/1
6. Peter Vogt Pengarah Urusan	–	–	–

* Tan Sri Dato' Ernst Zulliger telah menghadiri 2/2 mesyuarat sebelum bersara pada 22 April 2010.

** Tiada Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan diadakan pada tahun 2010.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

1. Jawatankuasa Audit

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan aturan yang rasmi dan telus dalam mempertimbangkan bagaimana ia menggunakan prinsip-prinsip pelaporan kewangan dan kawalan dalaman, serta memelihara satu hubungan yang sesuai dengan juruaudit luar Syarikat, KPMG dipenuhi melalui Jawatankuasa Audit.

Sehingga tarikh Kenyataan ini, Jawatankuasa Audit terdiri daripada 4 [empat] Pengarah. Semua Ahli Jawatankuasa Audit adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Semua anggota Jawatankuasa Audit mempunyai syarat-syarat seperti yang dinyatakan oleh Kod Malaysia dan Pengerusi, Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail memenuhi semua syarat-syarat di bawah perenggan 15.09 dan 15.10 daripada Syarat-syarat Penyenaraian. Pengerusi Lembaga Pengarah ialah seorang Akauntan Bertauliah yang mempunyai kelayakan dari Institut Akauntan Malaysia dan juga seorang Pengamal Akauntan Bertauliah dari Australian Society of Certified Practising Accountants, selepas memperoleh kelayakan pada tahun 1984.

Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam penilaiannya berhubung keberkesanan kawalan dalaman, proses pengurusan risiko dan pentadbiran Syarikat yang termasuk menyemak penyata-penyata kewangan Syarikat dan proses-proses laporan.

Jawatankuasa Audit telah berjumpa dengan Kumpulan Pengurusan serta juruaudit luar dan dalaman bagi semakan semula keberkesanan pengurusan kawalan-kawalan dalaman dan risiko perniagaan, dan menerima laporan dari fungsi audit dalaman [yang dipanggil Audit Pasaran Nestlé] dan telah mengkaji semula pematuhan dengan Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé dan prosedur-prosedur yang terdapat di dalam Kumpulan untuk pengurusan polisi-polisi perniagaannya. Jawatankuasa Audit telah memberi pertimbangan terperinci untuk risiko-risiko perniagaan berbangkit dalam konteks operasi perbendaharaan Kumpulan, sistem teknologi maklumatnya dan ancaman bagi perniagaan Kumpulan yang ditimbulkan oleh pelanggaran hak-hak Intelek yang berkaitan dengan produk-produk serta mengkaji semula kawalan khusus yang sedia ada dalam Kumpulan untuk menangani risiko-risiko sedemikian. Jawatankuasa Audit telah memenuhi kehendak sendiri dengan adanya kawalan dalaman yang sesuai dan memuaskan untuk mengenal pasti dan mengawal risiko-risiko perniagaan, dan bahawa perniagaan Kumpulan itu dijalankan dengan cara yang betul dan selamat.

Jawatankuasa Audit juga bertanggungjawab untuk meluluskan audit, audit berulang yang berkaitan dan audit tidak berkaitan perkhidmatan oleh juruaudit luar dan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka, Jawatankuasa Audit akan memastikan kebebasan dan objektiviti juruaudit luar tidak terganggu.

Jawatankuasa Audit telah mengkaji semula dan membincangkan Penyata Kewangan yang telah Diaudit pada 31 Disember 2010 oleh KPMG dan disyorkan kepada Lembaga Pengarah pada 24 Februari 2011, dan bahawa Penyata Kewangan yang telah diaudit pada 31 Disember 2010 dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat 2010.

Lembaga Pengarah telah pada 24 Februari 2011 meluluskan Penyata Kewangan yang telah diaudit tersebut untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat tahun 2010 dan akan difailkan ke Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Mesyuarat-Mesyuarat

Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif Kewangan & Kawalan, Ketua Audit Pasaran Nestlé, Ketua Perakaunan dan Penggabungan Insurans & Pecen dan wakil-wakil juruaudit luar menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Audit bersama dengan ahli-ahli Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit telah berjumpa 4 [empat] kali sepanjang tahun 2010.

Tiada Ahli Jawatankuasa Audit, kecuali Pengerusi Jawatankuasa Audit, menerima apa-apa bayaran dalam tahun 2010 dari Kumpulan selain daripada bayaran-bayaran yang telah diterima sebagai seorang Pengarah Syarikat serta elaun-elaun untuk kehadiran mesyuarat. Pengerusi Jawatankuasa Audit menerima satu yuran tahunan tetap untuk jawatannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Fungsi-fungsi, komposisi dan keahlian Jawatankuasa Audit diterangkan dengan terperinci dalam muka surat 84 hingga 87 Laporan Tahunan ini.

2. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan mengandungi secara eksklusif Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif.

Setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pencalonan telah ditubuhkan pada 26 Ogos 2010 untuk memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah calon-calon yang sesuai untuk pelantikan ke Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada:

- [i] Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Ibni Syed Putra Jamalullail [Pengerusi]
- [ii] Dato' Frits van Dijk
- [iii] Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk, antara lainnya, mengenalpasti, mencadangkan dan mencalonkan calon-calon berkeelayakan untuk pelantikan ke Lembaga Pengarah, pemilihan semula serta pelantikan semula pengarah-pengarah dan mengkaji semula kebebasan pengarah-pengarah, memastikan pengarah-pengarah baru melalui program induksi yang sesuai dan secara kolektif dan individu menilai prestasi pengarah-pengarah dan pengurusan kanan secara berterusan dan mencadangkan latihan, jika perlu. Jawatankuasa Pencalonan mempunyai akses bagi sebarang bentuk nasihat profesional bebas, maklumat dan nasihat serta khidmat Setiausaha Syarikat, jika dan apabila diperlukan, dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Seorang Pengarah yang hendak dilantik semula dan kembali dipilih akan menarik diri daripada semua pertimbangan mengenai pemilihan semulanya ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya. Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan akan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan apabila perlu.

Sepanjang beberapa tahun yang lalu sebelum penubuhan Jawatankuasa Pencalonan, kadar pertukaran pengarah-pengarah sangat rendah. Apabila sesuai, pencalonan pelantikan dan perletakan jawatan seorang pengarah dibincang oleh semua anggota Lembaga Pengarah di mesyuarat mereka.

Kuasa dan terma rujukan Jawatankuasa Pencalonan ialah seperti berikut:

a. Bidang Kuasa

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk melakukan perkara yang berikut:

- Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon-calon yang sesuai untuk dilantik sebagai pengarah;
- Untuk memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai satuimbangan yang sesuai dari segi kemahiran, kepakaran, sifat-sifat serta kecekapan teras dari ahli-ahlinya;
- Untuk sentiasa menyemak profil kemahiran-kemahiran yang diperlukan, kepakaran, sifat-sifat serta kecekapan-kecekapan teras untuk keanggotaan bagi Lembaga Pengarah;
- Bagi semakan semula rancangan penggantian untuk ahli-ahli Lembaga Pengarah;
- Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon Pengarah yang berpotensi untuk mengisi tempat-tempat dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
- Untuk menilai setiap tahun keberkesanan Lembaga Pengarahnya, Jawatankuasa-jawatankuasa dan sumbangan setiap Pengarah.

b. Mesyuarat-Mesyuarat

- Jawatankuasa Pencalonan akan bertemu sekurang-kurangnya sekali setahun atau atas permintaan mana-mana daripada ahli-ahlinya.
- Majoriti ahli-ahli yang kehadiran mestilah merupakan Pengarah Bebas supaya membentuk satu kuorum untuk mesyuarat tersebut.
- Setiausaha Syarikat akan mencatat, menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan memastikan yang minit disimpan dengan betul dan dikeluarkan untuk pemeriksaan jika diperlukan.
- Jawatankuasa Pencalonan akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan minitnya akan dibentangkan dan dicatatkan oleh Lembaga Pengarah.

Tiada Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan diadakan dalam tahun 2010 kerana pada ketika itu ia tidak perlu.

3. Jawatankuasa Imbuan

Berikutan kelulusan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Imbuan telah ditubuhkan pada 26 Ogos 2010 untuk memberi cadangan-cadangan bagi Lembaga Pengarah mengenai rangka kerja pampasan untuk pengarah-pengarah.

Jawatankuasa Imbuan mengandungi 3 [tiga] ahli, dengan majoritinya merupakan Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif seperti berikut:

- [i] Dato' Mohd. Rafik Bin Shah
Mohammad [Pengerusi]
- [ii] Dato' Frits van Dijk
- [iii] Datuk Rafiah Binti Salim

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Imbuan adalah akan memastikan bahawa pampasan dan faedah-faedah pengarah sesuai dengan tahap tanggungjawab Pengarah-pengarah dari segi prestasi Syarikat dalam industrinya, bagi menyemak semula dan mengesyorkan samada imbuan Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif dan bagi semakan semula dan meluluskan bonus dan kenaikan gaji tahunan Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan adalah sejajar dengan amalan pampasan syarikat kumpulan Nestlé di seluruh dunia seperti yang ditubuhkan oleh bahagian Sumber Manusia Nestlé S.A. di Vevey, Switzerland. Seorang pengarah yang pakejnya sedang dipertimbangkan akan menarik diri daripada perbincangan pampasannya sendiri.

Jawatankuasa Imbuan mempunyai akses bagi sebarang bentuk nasihat profesional bebas, maklumat dan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat, jika dan apabila diperlukan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Imbuan akan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan apabila diperlukan.

Objektif-objektif Jawatankuasa Imbuan dalam menentukan tahap dan komponen-komponen pakej-pakej imbuan akan menarik, mendorong dan mengekalkan bakat dan dedikasi Pengarah Eksekutif serta ahli-ahli pengurusan kanannya. Dalam keazaman mereka, Jawatankuasa Imbuan mengambil pertimbangan tahap-tahap yang setanding dengan pengurusan kanan utama dalam syarikat-syarikat tanda aras lain.

a. Bidang Kuasa

Jawatankuasa Imbuan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk bertindak seperti berikut:

- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka dasar Syarikat dari segi syarat-syarat pekerjaan Pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Kumpulan Pengurusan.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai semua unsur ganjaran dan bayaran imbuan Pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Kumpulan Pengurusan.
- Menyemak semula dan meluluskan bonus tahunan dan kenaikan gaji Pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Kumpulan Pengurusan.
- Menyemak semula dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah imbuan Pengarah Bukan Eksekutif.

b. Mesyuarat-mesyuarat dan Minit-Minit Mesyuarat

- Jawatankuasa Imbuan akan bertemu sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun atau lebih kerap seperti mana ia diputuskan.
- Majoriti ahli-ahli dalam kehadiran mesti terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif bagi membentuk satu kuorum untuk mesyuarat itu.
- Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif akan menarik diri daripada pertimbangan dan keputusan undian berhubung imbuan masing-masing di tahap Jawatankuasa Imbuan atau tahap Lembaga Pengarah mengikut keadaan.
- Jawatankuasa Imbuan berhak memanggil Bahagian Sumber Manusia untuk nasihat secara dalaman atau daripada sumber-sumber luar, apabila perlu.
- Setiausaha Syarikat akan merekod, menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Imbuan dan memastikan bahawa minitnya betul dan ia disimpan dan dikeluarkan untuk pemeriksaan jika diperlukan.
- Jawatankuasa Imbuan akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan minit Jawatankuasa Imbuan akan dibentangkan dan dicatatkan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Imbuan telah mengadakan hanya 1 [satu] mesyuarat pada 2010.

Pelantikan dan Pemilihan Semula atau Pelantikan Kembali Pengarah-pengarah

Proses Pelantikan

Lembaga Pengarah melantik ahli-ahlinya melalui satu proses formal yang mana sejajar dengan Artikel 90.1 dan 90.2 daripada Artikel-artikel Pertubuhan Syarikat ["Artikel"], satu pertiga daripada pengarah-pengarah dari masa dilantik akan bersara daripada jawatan dan adalah layak untuk pemilihan semula, dengan syarat semua pengarah akan bersara daripada jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap 3 [tiga] tahun tetapi akan layak untuk pemilihan semula untuk memberikan para pemegang saham peluang untuk memperbaharui mandat mereka di Mesyuarat Agung Tahunan. Pengarah-pengarah yang akan bersara setiap tahun adalah mereka yang telah menjadi paling lama memegang jawatan mereka sejak pemilihan terakhir.

Proses Pemilihan atau Pelantikan Semula

Syarikat tidak mempunyai satu had penggal untuk kedua-dua Pengarah Eksekutif and Pengarah Bebas kerana Lembaga Pengarah percaya bahawa sumbangan yang berterusan

memberi manfaat kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan pada keseluruhannya. Bagaimanapun, Artikel 88 daripada Artikel menyatakan bahawa pada sesuatu masa, jumlah keseluruhan Pengarah tidak boleh kurang daripada 2 [dua] dan tidak lebih dari 8 [lapan] dan Nestlé S.A. berhak melantik sehingga 4 [empat] orang Pengarah. Selain daripada itu, Syarikat yakin dan percaya yang individu-individu dipilih dan dilantik kepada Lembaga Pengarah sebagai Pengarah ialah semua individu berkaliber tinggi dan berintegriti serta berkebolehan untuk menjalankan tugas dan bertanggungjawab secara bebas dan dengan berkesan. Artikel 97 daripada Artikel menyatakan bahawa seorang pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa akan hanya memegang jawatannya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya, dan layak untuk pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Menurut Seksyen 129[6] Akta Syarikat 1965, ahli-ahli Lembaga Pengarah yang berumur lebih dari 70 tahun boleh dilantik semula sebagai pengarah untuk tahun seterusnya di Mesyuarat Agung Tahunan.

Perubahan bagi pelantikan semula Lembaga Pengarah dalam tahun 2010 ialah seperti berikut:

Nama	Gelaran
Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff	Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Dato' Frits van Dijk	Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif

Artikel 90.1 daripada Artikel membolehkan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Lembaga Pengarah tertakluk kepada persaraan secara pertukaran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff, seorang Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif dan Dato' Frits van Dijk, seorang Pengarah Bukan Bebas, Bukan Eksekutif dijangka bersara menurut Artikel 90.1 di Mesyuarat Agung Tahunan ini dan akan dicadangkan untuk pemilihan semula dan pelantikan kembali oleh Lembaga Pengarah berdasarkan Artikel.

Maklumat setiap pengarah yang akan dipilih semula boleh didapati di muka surat 50 dan 53 Laporan Tahunan ini.

Ganjaran Pengarah-Pengarah

Dasar untuk ganjaran pengarah-pengarah adalah bagi menggantikan satu pakej ganjaran yang perlu untuk menarik, mengekalkan dan mendorong Pengarah mengenai kualiti yang dikehendaki daripada mereka untuk menguruskan perniagaan Syarikat serta Kumpulan pada keseluruhannya.

Untuk Pengarah Eksekutif Kumpulan, prestasi individu dan korporat diberi ganjaran melalui penggunaan faedah-faedah gaji bersepadu dan struktur bonus dan mencerminkan sifat persaingan operasi Kumpulan bagi menyumbang ke arah menjayakan strategi organisasi Kumpulan. Pengarah-pengarah Eksekutif

merupakan pekerja-pekerja sepenuh masa Syarikat dan mereka tidak menerima pampasan tambahan untuk perkhidmatan sebagai seorang ahli Lembaga Pengarah. Pada satu asas tahunan, Jawatankuasa Imbuan mengambilkira daya saing pasaran, keputusan perniagaan dan prestasi individu dalam menilai ganjaran Pengarah Eksekutif.

Dalam menilai ganjaran Pengarah Urusan, Jawatankuasa Imbuan turut mengambil kira prestasi individu dan korporat, serta prestasi dan antara faktor lain termasuk pencapaian matlamat strategik serta prestasi korporat serantau dan global.

- **GAJI ASAS**
Gaji asas untuk Pengarah Eksekutif adalah berdasarkan ganjaran yang diamalkan Kumpulan syarikat-syarikat di seluruh dunia seperti yang ditubuhkan oleh fungsi Sumber Manusia Nestlé S.A. di Vevey, Switzerland.
- **FAEDAH**
Faedah-faedah biasa seperti peruntukan bayaran sewa, kenderaan bermotor, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi dan faedah lain sedang dibuat oleh Kumpulan dan boleh didapati oleh Pengerusi dan Pengarah Eksekutif sejajar dengan dasar-dasar Kumpulan.

- **EMOLUMEN**
Emolumen termasuk bonus, faedah persaraan, peruntukan untuk tambang cuti dan elaun-elaun tetap.
- **YURAN PENGARAH**
Bayaran-bayaran dibuat kepada Pengarah Bukan Eksekutif.

Untuk Pengarah Bukan Eksekutif, jumlah ganjaran berbeza-beza dengan tahap tanggungjawab yang dijalankan oleh Pengarah Bukan Eksekutif masing-masing.

Bayaran-bayaran bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga Pengarah sepertimana yang dibenarkan oleh pemegang saham Syarikat.

Semua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar yuran pengarah tahunan tetap bayaran-bayaran sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Selain daripada yuran tahunan tetap pengarah, bayaran-bayaran kesemua Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Pengerusi, dibayar elaun kehadiran mesyuarat untuk setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dihadiri. Sebagai pengiktirafan kepada masa tambahan dan komitmen, Pengerusi Jawatankuasa Audit juga menerima satu yuran tetap tahunan untuk jawatan pengerusinya dalam Jawatankuasa Audit.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

[a] Butiran dan jumlah setiap unsur utama ganjaran pengarah-pengarah bagi tahun 2010 ialah seperti berikut:-

	2010	
	Pengarah Eksekutif*	Pengarah Bukan Eksekutif*
[RM, Kasar] **		
Gaji	1,971,882.00	–
Yuran Pengarah ***	–	270,000.01
Emolumen****	1,378,160.29	–
Manfaat*****	2,172,626.00	63,726.00
Jumlah	5,522,668.29	333,726.01

* Termasuk pengarah yang telah meletakkan jawatan/bersara.

** Angka-angka diberi adalah sebelum cukai.

*** Yuran dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif.

**** Emolumen lain termasuk bonus, insentif, manfaat persaraan, peruntukan cuti dan elaun-elaun.

***** Manfaat termasuk bayaran sewa, kenderaan bermotor, keahlian kelab, perbelanjaan persendirian dan manfaat lain sebagai pengarah.

[b] Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, bilangan pengarah Syarikat yang mana jumlah keseluruhan ganjaran yang dibayar pada tahun 2010 mengikut julat ganjaran adalah seperti berikut:-

	2010	
	Pengarah Eksekutif*	Pengarah Bukan Eksekutif*
Julat Imbuhan [RM]		
1 – 50,000	–	5
50,000 – 100,000	–	2
1,500,000 – 1,550,000	1	–
1,650,000 – 1,700,000	1	–
2,300,000 – 2,350,000	1	–
Jumlah	3	7

* Termasuk para pengarah yang telah meletakkan jawatan/bersara.

Gaji, bonus dan manfaat yang dibayar kepada Peter Vogt and Marc Seiler adalah berdasarkan kepada pakej ganjaran setiap individu seperti yang ditentukan oleh bahagian Sumber Manusia Nestlé S.A. dan juga berdasarkan kepada prestasi individu dan pencapaian keuntungan Syarikat.

Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah

Syarikat telah mengendalikan penilaian pertamanya bagi tahun 2010 untuk Lembaga Pengarah. PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd. [PwCAS] dilantik untuk menjalankan penilaian ini dengan mengkaji prestasi Lembaga Pengarah secara menyeluruh, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Pengerusi, sumbangan para pengarah tersendiri, serta proses pentadbiran yang menyokong hasil kerja Lembaga Pengarah. Proses penilaian ini diketuai oleh Pengarah Pengurusan bersama dengan sokongan daripada Setiausaha Syarikat.

Lembaga Pengarah menilai keseluruhan pelaksanaan ini berdasarkan kriteria yang ditentukan sebagai penting untuk kejayaan Lembaga Pengarah. Ini termasuk susunan Lembaga Pengarah, komunikasi, keberkesanan dan tanggungjawab. Setiausaha Syarikat mengedar kepada Lembaga Pengarah satu senarai soalan tinjauan penilaian bagi menentukan pandangan mereka terhadap pelaksanaan Lembaga Pengarah dan juga jawatankuasanya, yang kemudiannya dikumpul di dalam bentuk laporan untuk Pengerusi.

Proses pengkajian prestasi bagi Lembaga Pengarah 2010 melaporkan bahawa salah satu unsur kekuatan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya ialah adanya hubungan pekerjaan yang berkesan dengan Pengarah Pengurusan. Yang pentingnya juga ialah adanya polisi komunikasi yang telus demi komunikasi bersama pihak berkepentingan yang berkesan. Secara menyeluruh, Lembaga Pengarah terus beroperasi secara berkesan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Penilaian ini juga merangkumi bahagian-bahagian seperti keberkesanan Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka; wujudnya sifat positif didalam bilik lembaga termasuk perbincangan dan perbahasan yang dinamik pada peringkat Lembaga dan juga Jawatankuasanya, serta keberkesanan peralatan dan proses pentadbiran Lembaga. Antara dimensi-dimensi yang dipertimbangkan untuk penaksiran termasuk, antara lain, tahap kemahiran dan ketulusan yang tinggi, pertimbangan bebas, serta adanya pengetahuan dan kecekapan profesional yang menambahkan nilai kepada Lembaga Pengarah secara menyeluruh.

Keputusan penilaian ini mengesahkan bahawa adanya kepuasan yang menyeluruh dengan prestasi Lembaga Pengarah dan juga Jawatankuasanya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Bahagian-bahagian yang memerlukan peninggian telahpun dikenalpasti dan dibincangkan secara bersesuaian.

Latihan Pengarah-Pengarah

Semua Pengarah semasa Syarikat telah menamatkan Program Akreditasi Wajib [MAP]. Mana-mana pengarah yang dilantik kepada Lembaga Pengarah dikehendaki melengkapkan MAP dalam tempoh 4 [empat] bulan-bulan dari tarikh pelantikan. Berikutan pemansuhan Program Pendidikan Berterusan [CEP], syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad bermula 1 Januari 2005, Lembaga Pengarah terus menilai dan menentukan keperluan latihan pengarahnya serta memastikan pendidikan berterusan untuk membantu mereka dalam menjalankan tugas-tugas mereka sebagai pengarah.

Semua pengarah yang dilantik ke Lembaga Pengarah, selain daripada menghadiri MAP turut menghadiri latihan yang berkaitan untuk program seterusnya bagi meningkatkan kecekapan perniagaan dan profesionalisme mereka dalam menjalankan tugas-tugas mereka bagi Kumpulan. Menurut perenggan 15.08[2] dan Appendix 9C [Bahagian A, Perenggan 28] Syarat-syarat Penyenaraian, Pengarah telah sebelum tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010, menghadiri latihan dalam bidang kepimpinan, tadbir urus korporat, kewangan, pembangunan pengawasan, tanggungjawab sosial korporat, keselamatan maklumat dan risikan perniagaan.

Pada 3 November 2010, Syarikat telah menganjurkan satu 1 [satu] latihan selama sehari untuk para Pengarah, yang dijalankan bersama dengan Security Industry Development Corporation [SIDC] dan PwCAS. Latihan tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan Pengarah tentang apa yang mereka perlu lakukan dalam melindungi nilai aset Syarikat dan menghadapi cabaran utama mereka dalam menjalankan tugas harian.

Syarikat juga menyediakan taklimat dalaman bagi pengarah-pengarah tentang pembangunan tadbir urus korporat utama dan memberi maklumat terkini kepada mereka terhadap perubahan kepada Syarat-syarat Penyenaraian, undang-undang dan peraturan-peraturan. Pengarah-pengarah diberitahu sepenuhnya tentang kesan perkembangan atau pertukaran kepada Syarikat.

Sebagai sebahagian daripada latihan berterusan, para pengarah dimaklumkan pada satu waktu yang sesuai oleh pengurusan, dengan menyediakan mereka dengan salinan-salinan bahan-bahan bacaan, mengenai perkembangan terbaru pada peranan-peranan dan tanggungjawab pengarah-pengarah.

Para pengarah juga digalakkan menghadiri latihan yang sesuai bagi Syarikat dan kos-kos menghadiri program-program ini ditanggung oleh Syarikat .

Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pengarah-Pengarah

Sehingga 31 Disember 2010, kepentingan langsung dan tidak langsung Pengarah dalam Syarikat adalah seperti berikut:

- [i] Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad memegang 27,000 saham dalam Syarikat;
- [ii] Dato' Frits van Dijk memegang 8,000 saham dalam Syarikat; and
- [iii] Peter Vogt memegang 10,450 saham dalam Nestlé S.A.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Aliran Maklumat

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya menerima maklumat terkini untuk membuat penilaian di masa yang tepat dan cepat sebelum setiap mesyuarat, dan Setiausaha Syarikat, di bawah arahan Pengerusi, memastikan aliran maklumat dari Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya. Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab untuk menasihati Lembaga Pengarah, melalui Pengerusi mengenai semua hal-hal pentadbiran. Sebelum mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya, satu agenda rasmi dan kertas-kertas mesyuarat yang mengandungi maklumat berkaitan hal-hal yang akan dipertimbangkan pada mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dihantar kepada semua Pengarah sekurang-kurangnya 5 [lima] hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah berkaitan dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasanya. Ini adalah bagi membolehkan para pengarah menyemak semula, mempertimbangkan dan jika perlu, mendapatkan keterangan lanjut atau menyelidik hal-hal yang akan dipertimbangkan supaya mereka lebih bersedia. Kertas-kertas mesyuarat dibentangkan dalam satu cara yang ringkas yang termasuk antara lain, laporan-laporan menyeluruh pengurusan, minit mesyuarat-mesyuarat, cadangan projek dan dokumen-dokumen sokongan.

Penyampaian kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya disediakan dan disampaikan dalam cara yang memastikan penyampaian tersebut jelas dan mencukupi.

Tambahan juga, bahan-bahan bacaan disediakan dan diedarkan sebelum setiap mesyuarat untuk membantu semua Pengarah dalam memahami subjek.

Lembaga Pengarah mengiktiraf yang proses membuat keputusan amat bergantung pada kualiti maklumat yang lengkap. Tambahan lagi, setiap Pengarah mempunyai akses yang tidak terbatas bagi semua maklumat dalam Syarikat. Lembaga Pengarah menggalakkan kehadiran pengurusan kanan serta pegawai-pegawai Syarikat di mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasanya untuk meningkatkan pemahaman Lembaga Pengarah mengenai operasi Syarikat dan memberi pihak pengurusan kanan peluang untuk bersama dengan para pengarah.

Pengarah-pengarah sering dikemaskinikan dengan syarat undang-undang dan statutori baru berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab pengarah-pengarah dan kesan serta implikasi mereka terhadap Syarikat dan Pengarah dalam melaksanakan tugas-tugas fidusiari dan tanggungjawab mereka. Terdapat juga satu prosedur rasmi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pengarah-pengarah, sama ada bertindak sebagai Lembaga Pengarah penuh atau dalam keupayaan individu mereka, untuk memperolehi nasihat profesional bebas apabila perlu, atas perbelanjaan Kumpulan. Sebelum memanggil seorang penasihat bebas, kelulusan mesti diperolehi dari Pengerusi Lembaga Pengarah dan, di mana boleh digunakan, Pengerusi boleh mengedarkan nasihat luar untuk Lembaga Pengarah.

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah percaya bahawa mereka bukan sahaja bertanggungjawab kepada para pemegang saham tetapi juga bertanggungjawab untuk menguruskan satu perhubungan produktif dan berjaya dengan para pemegang saham Syarikat.

PARA PEMEGANG SAHAM

Syarikat mengiktiraf pentingnya memelihara ketelusan dan kebertanggungjawaban bagi pemegang sahamnya. Lembaga Pengarah memastikan yang semua pemegang saham Syarikat adalah dilayan dengan adil dan hak-hak semua pelabur, termasuk para pemegang saham minoriti dilindungi.

Perhubungan asas Syarikat dengan pemegang saham ialah melalui Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif Kewangan dan Kawalan serta Setiausaha Syarikat. Semua pertanyaan para pemegang saham akan diterima oleh Setiausaha Syarikat yang akan menyediakan maklumat balas dan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan pemegang saham dan di mana maklumat mungkin dianggap sebagai maklumat sensitif tentang Kumpulan, ia tidak akan disediakan bagi seorang pemegang syer melainkan maklumat tersebut telah pun dimasukkan di tempat awam melalui pendedahan.

Mesyuarat Agung Tahunan [AGM]

AGM ialah peluang utama untuk Lembaga Pengarah bertemu dengan para pemegang saham Syarikat dan untuk Pengerusi menyediakan satu gambaran menyeluruh mengenai kemajuan Syarikat dan menerima soalan-soalan dari pemegang saham. Di AGM, para pemegang saham turut serta mempertimbangkan resolusi-resolusi yang ada atau pada operasi Kumpulan secara umum. Pada setiap AGM, satu meja bantuan akan disediakan sebagai pusat rujukan untuk para pemegang saham.

AGM 2010 telah diadakan pada 22 April 2010 di Hotel Hilton Petaling Jaya, Selangor. Jumlah pemegang saham yang menghadiri AGM dalam tahun 2010 telah bertambah dan ini menunjukkan hubungan Syarikat dengan para pemegang saham berada di peringkat yang tinggi. Semua resolusi telah diluluskan dan semua Pengarah termasuk Setiausaha Syarikat menghadiri mesyuarat itu. Juruaudit luar, Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan juruaudit syarikat, KPMG hadir untuk menjawab, menyoal dan menyediakan penjelasan seperti dikehendaki oleh pemegang saham. Sidang akhbar telah diadakan sebaik sahaja selepas AGM di mana Pengerusi, Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif Kewangan dan Kawalan menyediakan maklumat terkini bagi wakil-wakil media serta resolusi-resolusi mesyuarat sebelumnya dan menjawab soalan pada hal-hal berkaitan dengan Kumpulan.

AGM tahun 2011 akan diadakan pada 21 April 2011 di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur. Notis AGM dan Borang Proksi disertakan dalam Laporan Tahunan ini. Keputusan semua resolusi dicadangkan akan disediakan di laman web Syarikat dan Bursa Malaysia Securities Berhad sejeurus selepas AGM 2011.

Laporan Tahunan

Satu lagi saluran utama digunakan Lembaga Pengarah untuk menyediakan para pemegang sahamnya dan pelabur-pelabur dengan maklumat mengenai perniagaannya, kewangan dan aktiviti-aktiviti penting lain ialah Laporan Tahunan Syarikat, yang mana kandungan ditingkatkan secara berterusan untuk mengambil kira pembangunan, di antara lainnya, dalam tadbir urus korporat.

Lembaga Pengarah bertujuan untuk memberi dan menyampaikan satu penilaian yang jelas dan komprehensif dalam Laporan Tahunan kepada pemegang saham. Dalam mendedahkan maklumat dalam Laporan Tahunannya, Lembaga Pengarah berpandukan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Syarat-syarat Penyenaian dan Kod Nestlé.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat, Penyata Mengenai Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit membentuk sebahagian dari Laporan Tahunan tahun 2010. Kenyataan-kenyataan dan laporan-laporan ini dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk komen-komen dan cadangan-cadangan dan Lembaga Pengarah untuk kajian semula dan perbincangan sebelum dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan.

Satu aspek penting dalam dasar komunikasi aktif dan positif ialah kepantasan dalam menyebarkan maklumat kepada pemegang saham dan pelabur-pelabur. Syarikat menghantar keluar Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan surat pekeliling bersangkutan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat itu sepertimana yang dikehendaki di bawah Syarat-syarat Penyenaian supaya memudahkan persetujuan penuh dan penilaian isu-isu yang terlibat. Di mana perkara khusus terdapat dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan, satu penjelasan penuh diperuntukkan kepada pemegang saham mengenai kesan resolusi dicadangkan dari butir perkara khas.

Pengumuman segera dan keputusan kewangan pada setiap suku tahun membolehkan para pemegang saham untuk mendapat satu gambaran menyeluruh prestasi dan operasi Syarikat dan membantu dalam membuat keputusan-keputusan pelaburan.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Pengeluaran Keputusan Kewangan Suku Tahunan

Keputusan Suku Tahunan 2010	Tarikh Pengeluaran	Tarikh Akhir Bursa Securities	Jumlah Hari selepas akhir Suku
Suku Pertama	25.02.2010	28.02.2010	56
Suku Kedua	21.04.2010	31.05.2010	21
Suku Ketiga	26.08.2010	31.08.2010	57
Suku Keempat	28.10.2010	30.11.2010	28

Hubungan Pelabur

Syarikat menganjurkan taklimat suku tahunan berasingan untuk pengurus-pengurus dana, pelabur-pelabur institusi dan penganalisis pelaburan serta media selepas pengumuman keputusan setiap suku kepada Bursa Malaysia Securities Berhad.

Taklimat suku tahunan adalah bermaksud bukan sahaja untuk menggalakkan penyebaran keputusan kewangan Syarikat tetapi ia juga untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur, pemegang saham

dan media dan mungkin juga pelabur awam serta dan pemegang kepentingan lain mengemaskinikan maklumat kemajuan dan pembangunan perniagaan Syarikat.

Taklimat suku tahunan diadakan oleh Pengarah Eksekutif Kewangan & Kawalan serta Setiausaha Syarikat. Dalam tahun 2010, Syarikat menganjurkan 4 [empat] taklimat suku tahunan untuk pengurus-pengurus dana, pelabur-pelabur institusi dan penganalisis pelaburan.

Laman Web Syarikat

Untuk mengekalkan tahap ketelusan tertinggi yang mungkin, Syarikat telah menubuhkan sebuah laman web di www.nestle.com.my di mana pemegang saham boleh mengakses maklumat di bawah 'Hubungan pelabur'. Ia melingkungi maklumat korporat, laporan tahunan terbaru, siaran-siaran akhbar terbaru, keputusan kewangan terbaru, harga saham, pengumuman Bursa Malaysia Securities Berhad, taklimat hubungan pelabur, dasar-dasar dan tanggungjawab asas sosial Syarikat serta peluang-peluang pekerjaan.

Pegawai Kanan

Maklumat pegawai kanan yang bertanggungjawab terhadap Hubungan Pelabur adalah seperti berikut:

Nama : Marc Seiler
Gelaran : Pengarah Eksekutif,
Kewangan & Kawalan
Umur : 46 tahun
Alamat : Nestlé [Malaysia] Berhad
[110925-W]
22-1, Tingkat 22,
Menara Surian
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
No. Tel. : 03- 7965 6107
E-mel : InvestorRelations.
Malaysia@my.nestle.com

Butir-butir lanjut kelayakan dan pengalaman berkaitannya boleh dijumpai di seksyen Profil Pengarah dalam Laporan Tahunan ini.

ia telah menjadi amalan Syarikat untuk menjawab surat para pemegang saham, panggilan telefon dan pertanyaan-pertanyaan e-mel. Setiap surat atau e-mel yang diterima, jika ia memerlukan perhatian Lembaga Pengarah, akan dikaji semula oleh Bahagian Undang-undang dan Kesetiausahaan sebelum dihantar kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

Dalam pada Syarikat berusaha untuk menyediakan sebanyak mungkin maklumat bagi pemegang sahamnya dan pihak berkepentingan, Syarikat prihatin terhadap rangka kerja perlembagaan yang merangkumi penyebaran bahan dan maklumat yang sensitif harga. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai maklumat sensitif tentang Syarikat atau Kumpulan tidak akan didedahkan kepada orang awam.

WARGA KERJA

Syarikat percaya dalam mempromosikan piawaian kelakuan yang tinggi dan untuk memastikan bahawa semua warga kerja mendukung kelakuan sedemikian secara berterusan dalam prestasi tugas-tugas mereka, mereka berpandukan 3 [tiga] sistem nilai-nilai teras, iaitu Kod Nestlé, Prinsip Perniagaan dan Prinsip-prinsip Pengurusan dan Kewibawaan Pengurusan Nestlé [“Sistem Nilai”].

Kod Nestlé berasaskan kepada 3 [tiga] prinsip asas, iaitu mengelakan sebarang kelakuan yang boleh merosakkan atau membahayakan Syarikat atau reputasinya, pematuhan dan kejujuran serta mendahulukan kepentingan Syarikat sebelum kepentingan lain atau peribadi membimbing cara pekerja-pekerja Syarikat menjaga kelakuan. Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé menumpukan pada amalan-amalan tempat kerja dan etika, hubungan pekerja dan hak-hak manusia pekerja. Prinsip-prinsip ini menetapkan satu pendekatan umum bagi pembangunan dasar-dasar dan prosedur-prosedur mengambil kira undang-undang buruh dan amalan serta konteks budaya, politik dan ekonomi. Prinsip-prinsip Pengurusan dan Kewibawaan Pengurusan Nestlé menerangkan bagaimana pekerja boleh menyumbang kepada syarikat dengan melakukan atau berkelakuan dengan cara yang menambah nilai bagi Syarikat. Ini hanya boleh menjadi kenyataan dengan pembabitan tinggi setiap warga kerja dan satu set minda yang sama.

Bagi memastikan kepatuhan, semua warga kerja pengurusan, termasuk Lembaga Pengarah dan pembekal-pembekal serta penyedia-penyedia perkhidmatan Syarikat diperlukan untuk mengisytihar pematuhan mereka dengan Kod Nestlé dan Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé serta mendedahkan mana-mana konflik kepentingan pada setiap tahun.

PENGGUNA

Berpandukan Polisi Kualiti serta Prinsip Komunikasi Pengguna Nestlé, produk-produk dan jenama-jenama Syarikat dibangun, dibuat dan dipasarkan dengan penuh tanggungjawab. Demi mencapai wawasan Syarikat untuk kualiti yang tiada kompromi, Syarikat menyediakan satu talian pengguna untuk semua produk-produknya dengan objektif-objektif untuk menerima aduan-aduan serta maklum balas pengguna dan memberi respon terhadap semua aduan secepat mungkin.

PEMBEKAL DAN PEMBEKAL PERKHIDMATAN

Kod Nestlé, Prinsip Perniagaan Nestlé dan Kod Pembekal [“Piawaian”] juga mengikat pembekal-pembekal dan penyedia-penyedia perkhidmatan Syarikat untuk memastikan piawaian etika perniagaan yang tinggi di kalangan semua pembekal dan penyedia-penyedia perkhidmatan Syarikat termasuk syarikat-syarikat berkaitan pembekal atau penyedia perkhidmatan. Piawaian tersebut digabungkan ke dalam kontrak dengan pembekal berkaitan atau penyedia perkhidmatan. Ia telah dijelaskan dalam semua perjanjian dengan pembekal-pembekal dan penyedia-penyedia perkhidmatan dimana pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Piawaian tersebut boleh menjurus kepada penamatan segera kontrak dengan pembekal atau penyedia perkhidmatan berkenaan.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

PERAKAUNAN DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertujuan untuk memberi penilaian yang jelas, seimbang dan komprehensif mengenai prestasi kewangan dan prospek Kumpulan pada akhir tahun kewangan, terutamanya melalui kenyataan-kenyataan kewangan tahunan, suku tahunan dan separuh tahunan keputusan kepada pemegang saham serta kenyataan dan kajian semula operasi oleh Pengerusi dalam laporan tahunan. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia pelaporan kewangan Kumpulan dan kualiti pelaporan kewangannya.

Kenyataan Tanggungjawab Pengerah-pengerah dari segi Penyediaan Penyata Kewangan yang telah Diaudit

Lembaga Pengarah memastikan yang kenyataan-kenyataan kewangan Syarikat menyediakan satu gambaran benar dan saksama mengenai keadaan Kumpulan dan Syarikat di akhir tempoh perakaunan serta keuntungan atau kerugian dan aliran tunai untuk tempoh tersebut. Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan, para pengarah memastikan yang piawaian perakaunan diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia [MASB] di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 telah dipatuhi dan pertimbangan munasabah dan cermat dan anggaran

telah dibuat. Tanggungjawab menyeluruh para pengarah juga merangkumi pengambilan langkah-langkah sedemikian sebagai agak terbuka kepada mereka bagi keselamatan aset-aset Kumpulan dan untuk pelaksanaan dan operasi perakaunan dan sistem kawalan dalaman yang berterusan untuk pencegahan penipuan dan ketidaksamaan lain.

Lembaga Pengarah berpuas hati dimana ia telah menepati kewajipannya untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah pada muka surat 6 hingga 9 dan Penyata Kewangan dari muka surat 10 hingga 55 Laporan Kewangan tahunan ini.

Kawalan Dalaman

Ia penting untuk menekankan bahawa tanggungjawab utama untuk memastikan satu sistem kawalan dalaman yang baik dan menyemak keberkesanan sistem penyampaian terletak pada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah menetapkan dasar-dasar dan prosedur-prosedur untuk kawalan dalaman dan memastikan yang sistem kawalan dalaman sedemikian dilaksanakan dengan betul oleh Kumpulan Pengurusan. Syarikat telah menubuhkan proses-proses untuk menyelia dan menguruskan risiko.

Butiran proses-proses ini terdapat di muka surat 82 hingga 83 Laporan Tahunan ini.

Syarikat telah meletakkan satu Polisi Teknologi Maklumat yang menggariskan proses-proses yang harus diikuti untuk mewujudkan dasar-dasar, amalan-amalan terbaik, piawaian dan penggunaan teknologi-teknologi maklumat sokongan. Syarikat prihatin terhadap implikasi undang-undang jika sistem-sistem teknologi atau maklumat disalahgunakan dengan cara yang melanggar landas perundangan. Syarikat lantaran memastikan yang semua perisian digunakan Syarikat adalah salinan-salinan berlesen.

Sejajar dengan Panduan untuk Pengerah Syarikat Tersenarai Awam, penilaian oleh Lembaga Pengarah telah dijalankan sekurang-kurangnya setahun sekali, dan ini termasuk semua bahan kawalan termasuk kewangan, operasi dan pematuhan serta sistem-sistem pengurusan risiko. Lembaga Pengarah mendapat jaminan-jaminan munasabah daripada laporan yang diserahkan oleh jawatankuasa berkaitan dengan pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Butiran fungsi audit dalaman terdapat di muka surat 82 hingga 83 Laporan Tahunan ini.

Dasar Pendedahan Rahsia

Satu daripada peruntukan utama dalam Kod Nestlé ialah pelaporan kelakuan yang salah di sisi undang-undang atau tidak patuh. Syarikat mengakui yang salah laku dalam mana-mana syarikat seperti pencabulan undang-undang, peraturan-peraturan, kerosakan pengeluaran, penipuan, pencabulan-pencabulan kesihatan dan keselamatan atau rasuah biasanya diketahui terlebih dahulu oleh orang ramai yang kerja dalam atau dengan Syarikat.

Satu sistem amaran awal seperti prosedur pendedahan rahsia boleh membantu Syarikat mengesan kesalahan dan memberi amaran kepada Kumpulan untuk berjaga-jaga dan mengambil tindakan pembetulan sebelum satu masalah menjadi satu krisis. Satu sistem pendedahan rahsia menguatkan, menyokong pimpinan yang baik dan pada masa yang sama menunjukkan kebertanggungjawaban, menyediakan pengurusan risiko yang baik dan amalan-amalan tadbir urus korporat baik. Lembaga Pengarah percaya bahawa mempunyai satu sistem pendedahan rahsia dapat meningkatkan keyakinan para pelabur terhadap Kumpulan dan adalah sejajar dengan amalan-amalan tadbir urus korporat baik Syarikat. Ini juga ditingkatkan lagi dengan adanya Akta Pendedahan Rahsia 2010 baru-baru ini, di mana seorang pemberi maklumat boleh diberikan perlindungan yang berpatutan terhadap majikan apabila satu aduan sedang disiasat.

Warga kerja Syarikat digalakkan untuk tampil ke hadapan dan menyatakan sebarang kelakuan yang mencurigakan, amalan seleweng atau ketidakpatutan dalam pengurusan perniagaan Syarikat melalui prosedur pendedahan rahsia dalaman.

Prosedur pendedahan rahsia dalaman akan menjadi sebuah rangka yang komprehensif yang menggariskan bila, bagaimana dan dengan siapa satu perkara boleh diketengahkan dengan betul, membezakannya dengan rungutan peribadi dan membenarkan pemberi maklumat menyatakan kebimbangan di luar pihak pengurusan mereka.

Seorang pekerja yang mematuhi dengan jujur tugas masing-masing untuk melaporkan sebarang salah laku dan mendedahkan maklumat akan dilindungi oleh Syarikat dari sebarang paksaan, pembalasan atau pembalasan berkaitan dengan kerjasama masing-masing. Perlindungan dilanjutkan sepanjang proses disiplin dan rayuan, termasuk menjaga identiti pemberi maklumat dengan selamat.

Prosedur-prosedur ini membolehkan warga kerja mengetengahkan masalah mereka tanpa merasa takut atas pembalasan dan dalam pengetahuan bahawa prosedur-prosedur telah sedia ada dan aduan-aduan mereka adalah disiasat serta identiti mereka dirahsiakan. Sebarang keraguan yang diketengahkan akan disiasat oleh satu pasukan siasatan yang terdiri daripada pengurus-pengurus kanan dan satu laporan diperuntukkan kepada Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit.

Penyata Mengenai Kawalan Dalaman

Penyata mengenai Kawalan Dalaman yang disediakan pada muka surat 82 hingga 83 dalam Laporan Tahunan ini menyediakan satu gambaran menyeluruh pada keadaan kawalan-kawalan dalaman dalam Syarikat.

Transaksi-transaksi Pihak Yang Berkaitan

Rangka kerja pematuhan dalaman wujud untuk memastikan yang Syarikat memenuhi kewajipan-kewajipannya di bawah Syarat Penyenaraian kewajipan-kewajipan berkaitan dengan transaksi-transaksi pihak yang berkaitan. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Auditnya, meninjau semua transaksi-transaksi pihak yang berkaitan. Seorang Pengarah yang mempunyai kepentingan dalam satu transaksi mesti menarik diri daripada mempertimbangkan dan mengundi pada resolusi berkaitan, dalam transaksi sedemikian pada Lembaga Pengarah dan pada mana-mana mesyuarat agung yang bersidang mempertimbangkan perkara itu.

Terdapat prosedur-prosedur yang ditubuhkan oleh Syarikat untuk memastikan bahawa semua transaksi-transaksi pihak yang berkaitan adalah dijalankan pada asas tidak terlalu rapat dan pada syarat-syarat komersil normal, konsisten dengan amalan-amalan perniagaan biasa dan dasar-dasar Syarikat, yang secara umumnya bukan lebih baik daripada yang biasanya tersedia kepada orang awam dan pembekal-pembekal lain dan tidak memudaratkan bagi pemegang saham minoriti.

Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Rangka kerja dalaman berkaitan dengan pentadbiran transaksi-transaksi pihak yang berkaitan diringkaskan seperti berikut:

- Satu senarai pihak berkaitan Syarikat akan diedarkan kepada Pengarah-pengarah dan pengurusan Syarikat serta anak syarikatnya untuk memaklumkan yang semua transaksi-transaksi pihak yang berkaitan perlu dijalankan dengan tidak terlalu rapat dan berdasarkan syarat-syarat komersil normal dan tidak berat sebelah seperti yang biasanya tersedia kepada orang awam dan pembekal-pembekal lain dan tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti;
- Semua transaksi-transaksi pihak yang berkaitan akan dilaporkan bagi Jawatankuasa Audit Syarikat. Mana-mana ahli Jawatankuasa Audit Syarikat boleh ketika dia percaya sesuai, meminta maklumat tambahan berkaitan dengan transaksi termasuk dari sumber-sumber bebas atau penasihat-penasihat;
- Semua transaksi-transaksi pihak yang berkaitan yang berulang yang dilakukan berdasarkan amanat pemegang-pemegang saham untuk transaksi-transaksi pihak yang berkaitan berulang akan direkodkan oleh Syarikat dalam suatu daftar atau rekod-rekod yang dipegang oleh Syarikat;

Transaksi Pihak Berkaitan Berulang yang dilakukan Syarikat dengan pihak-pihak yang berkaitan dalam tahun 2010 adalah untuk:

- pembelian bahan-bahan mentah, separa siap dan produk-produk makanan siap dari syarikat-syarikat sekutu Nestlé berjumlah kira-kira RM325 juta;
- pembayaran royalti untuk penggunaan cap dagang untuk jualan produk-produk makanan kepada syarikat-syarikat sekutu Nestlé berjumlah RM147 juta;
- pembayaran untuk perkongsian perkhidmatan teknologi maklumat untuk penggunaan dan penyenggaraan perkhidmatan teknologi maklumat kepada syarikat-syarikat sekutu Nestlé berjumlah kira-kira RM20 juta; dan
- jualan produk-produk makanan kepada syarikat-syarikat sekutu Nestlé berjumlah kira-kira RM780 juta.

Butir-butir di bawah akan dibentangkan untuk kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada 21 April 2011:

- pembayaran untuk perkhidmatan pembersihan dan kawalan serangga perosak berjumlah kira-kira RM52,000;
- pembayaran untuk perkhidmatan logistik berjumlah kira-kira RM3 juta; dan
- Pembayaran untuk pembelian bahan-bahan mentah berjumlah kira-kira RM47 juta

Hubungan dengan Juruaudit Luaran

Jawatankuasa Audit berbincang dengan juruaudit luar mengenai sifat dan skop audit dan kewajipan-kewajipan laporan sebelum audit dimulakan. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa pengurusan akan menyediakan satu respons yang menepati masa pada sebarang pertanyaan yang diketengahkan oleh juruaudit luar selepas audit kepada pengurusan, dalam menghormati rekod perakaunan, akaun kewangan atau sistem kawalan.

Jawatankuasa Audit bekerja rapat dengan rakan kongsi kanan audit yang ditugaskan oleh KPMG kepada Syarikat, untuk menjadi wakil utama bagi menyelia hubungan Syarikat dengan juruaudit luar. Menurut syarat-syarat Institut Akauntan Malaysia, Syarikat menggantikan rakan-rakan kongsi auditnya setiap 5 [lima] tahun untuk memastikan objektiviti, kebebasan dan integriti pendapat audit.

Jawatankuasa Audit juga berjumpa dengan juruaudit luar bagi semakan semula kewajaran keputusan penting, prinsip-prinsip perakaunan dan keberkesanan pengurusan operasi kawalan-kawalan dalaman dan risiko perniagaan.

Jawatankuasa Audit ditugaskan dengan kuasa dari Lembaga Pengarah bagi menilai sebarang perkara berkenaan pelantikan dan pelantikan semula, yuran audit, perletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar dan mengkaji semula serta menilai faktor-faktor berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar dan membantu mereka dalam menjaga kebebasan mereka.

Kontrak Material

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, tiada sebarang kontrak material ditandatangani oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya [bukan kontrak yang ditandatangani dalam urusan perniagaan yang biasa], yang melibatkan para pengarah dan pemegang saham utama, kecuali kontrak material berhubung dengan urusan niaga berulang dengan pihak-pihak berkaitan dalam perolehan atau dagangan.

Pematuhan Terhadap Kod Perlakuan Perniagaan Nestlé

Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan, mengkaji semula dan meluluskan Kenyataan Tadbir Urus Korporat. Lembaga Pengarah menganggap yang Kenyataan Tadbir Urus Korporat ini menyediakan maklumat yang penting yang membolehkan pemegang saham untuk menilai bagaimana Kod Malaysia telah diguna pakai. Lembaga Pengarah menganggap dan adalah berpuas hati bahawa Syarikat telah menunaikan kewajibannya di bawah Kod Nestlé, Kod Malaysia, Syarat-syarat Penyenaraian dan semua undang-undang berkenaan serta peraturan-peraturan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Kenyataan ini telah dibentangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada 24 Februari 2011.

Penyata Mengenai Kawalan Dalam

PENGENALAN

Nestlé [Malaysia] Berhad [110925-W] dan pengarah-pengarahnya adalah komited kepada satu sistem kawalan dalaman yang teguh dan dengan sukacitanya menyediakan penyata berikut mengenai skop dan bentuk kawalan dalaman bagi Kumpulan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Pengarah-pengarah dan pengurusan bertanggungjawab ke atas penubuhan kawalan-kawalan dalaman untuk Kumpulan Syarikat. Sistem-sistem kawalan dalaman dinilai untuk kecukupan dan integriti oleh pihak pengurusan. Sistem ini direka untuk menguruskan, daripada menghapuskan, risiko kegagalan yang muncul dari tidak mencapai dasar-dasar, matlamat-matlamat dan objektif-objektif Kumpulan. Sistem sedemikian menyediakan jaminan yang munasabah berbanding jaminan mutlak daripada salah nyata atau kehilangan. Pengarah-pengarah Syarikat telah memberikan tanggungjawab pengawasan sistem kawalan dalaman ini kepada pengurusan.

Disamping kajian-kajian lazim dan penilaian-penilaian sistem kawalan dalaman ini turut dilaksanakan ialah satu proses berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko-risiko nyata yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses ini melalui ulasan oleh pengarah-pengarah sejajar dengan "Penyata mengenai Kawalan-kawalan Dalam: Garispanduan untuk Pengarah-pengarah Syarikat Senarai Awam" ["Panduan Kawalan Dalam"] yang dikeluarkan oleh Institut Auditor Dalaman Malaysia.

RANGKA KERJA

PENGURUSAN RISIKO

Pengarah-pengarah dan pihak pengurusan menyokong sepenuhnya kandungan Garis Panduan Kawalan Dalam. Hasil kerjasama erat dengan Jabatan Audit Dalaman Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan, pengarah-pengarah dan pihak pengurusan telah menyediakan garis-garis panduan pengurusan risiko, langkah-langkah dan proses kawalan.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Pasaran Nestlé bertanggungjawab untuk mengkaji semua proses dalam Kumpulan Syarikat dan hubungannya dengan pihak-pihak ketiga. Ia menyediakan pendapat-pendapat bebas kepada pengarah-pengarah mengenai proses-proses, pendedahan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan Syarikat. Tanggungjawab Jabatan Audit termasuk:

- Menilai dan melaporkan mengenai keberkesanan sistem-sistem kawalan dalaman;
- Menilai dan melaporkan mengenai tahap kebolehppercayaan sistem dan maklumat pelaporan;
- Menilai dan melaporkan mengenai kecekapan operasi pelbagai Unit-Unit Perniagaan dan Jabatan di dalam Kumpulan Syarikat dan mengenal pasti potensi-potensi penjimatan di mana praktikal; dan
- Mengkaji tahap pematuhan terhadap dasar-dasar Kumpulan Syarikat, Arahan Tetap Syarikat dan garis-garis panduan serta undang-undang dan peraturan terpakai.

Jabatan Audit mengenal pasti unit-unit yang akan diaudit berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan terhadap [a] risiko sedia ada unit, dan [b] kerumitan proses-proses dari peringkat awal ke peringkat akhir.

Satu matriks yang meliputi penilaian, jenis-jenis dan tahap kepentingan audit secara keseluruhan bagi setiap isu-isu audit sudah dibangunkan sebagai satu panduan untuk menjalankan susulan kepada isu-isu audit yang dibangkitkan. Hasil daripada kajian-kajian audit dilaporkan pada setiap suku tahunan kepada Jawatankuasa Audit dan kemudian kepada Lembaga Pengarah melalui Pengerusi Syarikat. Maklum balas dari pihak pengurusan dan pelan tindakan adalah diteliti secara lazim dan disusuli oleh Jabatan Audit Dalaman dan Jawatankuasa Audit.

Bagi tahun berakhir Disember 2010, jabatan ini menjalankan 11 [sebelas] audit meliputi acara korporat, pusat pengedaran, kilang-kilang dan unit perniagaan. Sebagai tambahan, 8 [lapan] penilaian ad hoc dijalankan. Di mana ada pengecualian, ia tidak berbentuk material dan langkah pembetulan sudah pun diambil.

Seterusnya, Audit Kumpulan Syarikat Nestlé ["NGA"], bahagian audit dalaman syarikat induk Nestlé S.A., adalah bertanggungjawab terhadap penilaian keberkesanan kawalan dalaman bagi seluruh Kumpulan Syarikat Nestlé. NGA menjalankan kajian-kajian kepada proses, sistem dan kecemerlangan perniagaan terhadap unit/bahagian perniagaan terpilih berdasarkan kaedah-kaedah penilaian risiko. Pelan audit tahunan dan keputusan-keputusan NGA adalah dilaporkan kepada Pengurusan Zon dan Jawatankuasa Audit

Nestlé S.A. Berdasarkan kepada penilaian risiko ini, 2 [dua] audit [Kompleks Shah Alam dan Unit Perniagaan Kopi dan Minuman] telah dijalankan oleh NGA di pasaran bagi tahun berakhir Disember 2010.

Pelan audit tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 telah dibentangkan kepada NGA dan diluluskan pada suku akhir 2010.

PROSES-PROSES KAWALAN DAN RISIKO LAIN

Struktur dan proses-proses yang ditakrifkan secara rasmi [menerusi Arahan Tetap Syarikat] memainkan peranan yang besar dalam pengurangan risiko. Walaupun Kumpulan Syarikat adalah sebuah organisasi berangkaian, proses bertanggungjawab yang didokumenkan dan boleh diaudit tetap kekal. Di samping itu, had-had kuasa dan Dasar-Dasar Kumpulan Syarikat yang utama [kesihatan dan keselamatan, latihan dan pembangunan, kesaksamaan peluang, prestasi kakitangan, gangguan seksual, dan salah laku serius] dan Prinsip-prinsip Perniagaan Nestlé S.A. [boleh dilayari menerusi www.nestle.com] telah diedarkan kepada kakitangan Kumpulan Syarikat. Prosedur-prosedur ini diwujudkan di seluruh peringkat organisasi dan membantu memberikan jaminan kepada setiap tahap pengurusan, termasuk pengarah-pengarah. Fungsi Audit Pasaran Nestlé bertujuan memastikan pelaksanaan sepenuhnya prosedur-prosedur ini dan melaporkan struktur, serta mengesahkan sistem-sistem kawalan dalaman. Pengarah Urusan turut melaporkan kepada pengarah-pengarah mengenai sebarang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luaran yang memberi kesan kepada operasi. Maklumat kewangan, prestasi utama dan petunjuk-petunjuk risiko juga dilaporkan pada setiap suku tahun kepada pengarah-pengarah Syarikat.

Selain itu, Kumpulan Syarikat sudah pun melaksanakan Kaedah Penilaian Kendiri Nestlé [“NSAT”] bagi semua Unit Perniagaan dan fungsi korporat, kaedah ini dilancarkan pada tahun 2008. NSAT, satu usaha antarabangsa oleh Nestlé S.A. sebagai respon terhadap perubahan di dalam Kod Obligasi Switzerland bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Switzerland, adalah penyelesaian Penilaian Kawalan Kendiri yang dihasilkan sendiri untuk mengukur tahap pematuhan setiap unit dengan kawalan-kawalan dalaman minimum yang ditentukan oleh Audit Kumpulan Syarikat Nestlé. Matlamat penilaian kawalan sendiri ialah untuk membantu setiap unit mengenal pasti dengan lebih baik kelemahan kawalan dalaman mereka sendiri dan untuk membangunkan pelan tindakan secara khusus, boleh diukur dan bertepatan pada waktunya untuk menangani kelemahan-kelemahan ini. Keputusan-keputusan ini dipantau pada peringkat pengurusan serta oleh Nestlé S.A. NSAT juga akan bertindak sebagai pusat penyimpanan amalan-amalan kawalan dalaman terbaik yang kemudiannya akan dikongsi bersama unit-unit Nestlé lain di seluruh dunia.

Perlaksanaan NSAT untuk peringkat Kumpulan Syarikat tidak mempunyai sebarang perbezaan ketara dalam kawalan dalaman yang minimum dan apabila perbezaan wujud, pelan tindakan telah dilaksanakan atau dikenal pasti, dengan tarikh yang dijangka selesai dan orang yang bertanggungjawab. Fungsi audit dalaman Kumpulan Syarikat akan melapor kepada pihak pengurusan mengenai status pelan tindakan ini [telah dilaksanakan, sedang dilaksanakan, atau belum dilaksanakan] setiap suku tahun.

Laporan Jawatankuasa Audit

SAIZ DAN KOMPOSISI

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Pengerusi

[Akauntan Bertauliah dari Australian Society of Certified Practicing Accountants;
Akauntan Bertauliah dari Institut Perakaunan Malaysia]

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli

[Akauntan Bertauliah dari Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom;
Akauntan Bertauliah dari Institut Perakaunan Malaysia]

Datuk Rafiah Binti Salim
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif
Ahli

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh 4 [empat] ahli yang kesemuanya adalah Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Audit, Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail dan Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad, masing-masing adalah akauntan bertauliah dan adalah anggota Institut Perakaunan Malaysia. Semua ahli Jawatankuasa Audit mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan dengan pendedahan meluas dalam dunia korporat. Satu korum, yang diwujudkan dengan kehadiran Pengerusi dan sekurang-kurangnya 2 [dua] ahli, sentiasa hadir dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit telah mengadakan 4 [empat] mesyuarat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010. Atas jemputan Jawatankuasa Audit, Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan, wakil-wakil juruaudit luar, Ketua Audit Pasaran Nestlé dan Ketua Perakaunan & Penggabungan/Insurans & Pencen telah menghadiri semua mesyuarat berkenaan. Apabila terdapat keperluan oleh Jawatankuasa Audit, ahli-ahli berkaitan daripada pihak pengurusan juga dijemput untuk menghadiri mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Audit juga mempunyai hak untuk bertemu dengan juruaudit luar dan/ atau juruaudit dalaman tanpa kehadiran para pengarah eksekutif dan pihak pengurusan.

Sekurang-kurangnya 2 [dua] kali setahun, Jawatankuasa Audit akan bertemu dengan juruaudit luar, tanpa kehadiran pengarah eksekutif dan pihak pengurusan.

TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Jawatankuasa Audit bertindak sebagai satu jawatankuasa Lembaga Pengarah dan diwujudkan pada 2 Mac 1994 di bawah Terma-terma Rujukan seperti yang tercatat di dalam Laporan Tahunan ini.

RINGKASAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Aktiviti berhubung audit luar:

- kajian skop audit luar dan rancangan audit berasaskan kepada pembentangan pelan dan strategi audit oleh juruaudit luar; dan
- kajian keputusan-keputusan audit luar, laporan audit, surat pengurusan dan maklum balas daripada pengurusan.

Aktiviti berhubung audit dalaman:

- kajian keperluan sumber audit dalaman, kecukupan skop dan fungsi;
- kajian pelan dan program audit dalaman;
- kajian laporan audit dalaman, syor-syor dan maklum balas pengurusan. Tindakan pembaikan dalam bidang kawalan dalaman, sistem dan peningkatan kecekapan yang dicadangkan oleh juruaudit dalaman dibincangkan bersama dengan pihak pengurusan dalam forum berasingan;
- kajian mengenai pelaksanaan syor-syor ini menerusi laporan audit susulan;
- mencadangkan peluang-peluang penambahbaikan tambahan dalam bidang kawalan dalaman, sistem dan peningkatan kecekapan; dan
- kajian dan mengenal pasti pergerakan anggota kakitangan audit dalaman.

Aktiviti berhubung penyata-penyata kewangan:

- kajian laporan tahunan dan penyata-penyata kewangan diaudit Kumpulan Syarikat sebelum penyerahan kepada para pengarah untuk penelitian dan kelulusan mereka. Ini adalah untuk memastikan pematuhan penyata kewangan terhadap peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan standard perakaunan terpakai yang diluluskan sejajar dengan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ["MASB"];
- kajian pematuhan Kumpulan Syarikat terhadap Syarat-Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, MASB serta peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan pengawalseliaan lain yang relevan dan berkaitan dengan penyata-penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahunan; dan
- kajian pengumuman keputusan kewangan belum diaudit sebelum mengesyorkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Aktiviti-aktiviti lain:

- kajian urus niaga pihak berkaitan, pembayaran dividen biasa dan luar biasa; dan kajian pematuhan terhadap Kod Malaysia.

Fungsi audit dalaman:

Fungsi audit dalaman Syarikat adalah selaras dengan Kod Malaysia. Fungsi audit dalaman [dikenali sebagai Audit Pasaran Nestlé] adalah diurus sebagai sebuah jabatan di dalam lingkungan fungsi Kewangan & Kawalan Syarikat, yang melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan dari segi fungsi kepada Kumpulan Audit Nestlé di Vevey, untuk memastikan kebebasannya. Peranan utamanya ialah untuk menjalankan kajian secara bebas dan sistematik terhadap proses-proses serta garis panduan Kumpulan Syarikat dan memberi laporan mengenai aplikasi dan pematuhannya.

Penilaian secara individu adalah dilaporkan secara objektif kepada pihak pengurusan dan Jawatankuasa Audit.

Audit Pasaran Nestlé diketuai oleh Shusaku Kimura, berumur 33 tahun, telah berkhidmat dengan Kumpulan Syarikat Nestlé selama kira-kira 10 [sepuluh] tahun. Beliau sebelum ini berkhidmat di Bahagian Kewangan dan Kawalan Nestlé Jepun dan kemudiannya di Kumpulan Audit Nestlé, Nestlé S.A. Shusaku Kimura adalah lulusan Universiti Waseda di Jepun, dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pendidikan. Kos untuk fungsi audit dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM1,603,750.

Terma-Terma Rujukan Bagi Jawatankuasa Audit

OBJEKTIF

Jawatankuasa Audit adalah sebuah jawatankuasa bebas yang membantu Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap tadbir urus korporat, kawalan korporat dan laporan kewangan.

Jawatankuasa Audit bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa:

- fungsi audit dalaman beroperasi secara berkesan dan mengikut Standard-standard Amalan Profesional bagi Pengauditan Dalaman; perhatian secukupnya diberikan kepada keberkesanan, kecekapan dan ekonomi dalam operasi Kumpulan Syarikat;
- keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun dikaji sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- sistem kawalan dalaman yang mencukupi telah dilaksanakan untuk menghasilkan maklumat pengurusan yang tepat dan bermakna; dan
- tindakan yang betul dan tepat pada masanya diambil oleh pengurus-pengurus yang berkaitan untuk memperbetulkan perkara-perkara utama yang menjadi kebimbangan.

Jawatankuasa Audit memberi laporan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahunan berhubung perkara-perkara di bawah bidang terma rujukan Jawatankuasa Audit.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Jawatankuasa Audit adalah bertanggungjawab terutamanya untuk:

Risiko dan Kawalan

- penilaian sama ada proses-proses dan langkah-langkah penilaian risiko yang mencukupi wujud untuk meminimumkan sebarang pendedahan kepada risiko, termasuk penipuan;
- kajian dan penilaian, bersama-sama juruaudit luar dan dalaman, mengenai prosedur-prosedur pengurusan, yang telah direka untuk memberi jaminan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan-peraturan, dasar-dasar dan kod-kod amalan atau perilaku;
- memantau sistem dan prosedur yang direka untuk menyediakan tahap kawalan dalaman, perlindungan aset dan maklumat pengurusan yang berkesan dan memuaskan bersama-sama dengan juruaudit luar dan dalaman; dan
- memantau operasi Kumpulan Syarikat menerusi kajian-kajian audit dalaman yang perlu, bagi menentukan sama ada perhatian yang secukupnya diberikan kepada ciri-ciri kecekapan, keberkesanan dan ekonomi.

Audit Dalaman

- kajian laporan-laporan audit dalaman bagi audit utama yang dilaksanakan;
- kajian tahap pelaksanaan cadangan-cadangan audit dalaman dan tempoh masa maklum balas diterima;
- kajian prestasi audit dalaman dan keberkesanan untuk memastikan ianya konsisten dengan pelan yang diluluskan, Piagam Audit Dalaman dan standard-standard profesional yang berkaitan; dan
- kajian keberkesanan skop, fungsi, kebolehan dan sumber bagi fungsi audit dalaman.

Audit Luar

- kajian maklum balas pengurusan terhadap laporan interim juruaudit luar, laporan tahunan dan surat-surat pengurusan;
- memantau pembangunan dalam bidang audit luar dan standard-standard yang ditetapkan oleh badan profesional serta pihak berkuasa pengawalseliaan lain; dan
- selia aturan audit luar yang wujud di entiti-entiti di bawah kawalan atau anak-anak syarikat.

Laporan

- kajian deraf akhir penyata-penyata kewangan suku tahunan dan penyata tahunan [sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah untuk meluluskan penyata-penyata kewangan berkenaan], menerima penjelasan bagi sebarang perbezaan ketara daripada tahun sebelumnya dan daripada bajet, serta merujuk isu-isu ini kepada Lembaga Pengarah, jika dan apabila perlu;
- memantau pematuhan kepada syarat-syarat statutori bagi laporan kewangan, dengan fokus kepada sebarang perubahan ketara dalam dasar-dasar dan amalan perakaunan, bersama dengan pengubahsuaian ketara yang disyorkan oleh audit luar; dan
- kajian pematuhan terhadap semua pendedahan pihak berkaitan yang disyaratkan oleh Standard-standard Perakaunan.

Lain-lain

- kajian jika dan apabila perlu sebarang perkara berbangkit daripada operasi kewangan Kumpulan Syarikat; dan
- mengarahkan siasatan atau kajian yang relevan dengan peranannya, sekiranya difikirkan perlu.

Kuasa

Jawatankuasa Audit, dalam menjalankan tugas-tugasnya, mempunyai kuasa untuk meminta mana-mana pegawai dalam Kumpulan Syarikat atau mana-mana anak syarikat untuk membekalkan maklumat dan penjelasan yang diperlukan;

- mengadakan perbincangan dengan pengurus-pengurus dan kakitangan dalam Kumpulan Syarikat dan anak-anak syarikat pada sebarang masa yang munasabah;
- mendapatkan bantuan daripada pihak luar yang berkeelayakan untuk memberi nasihat berhubung isu-isu, di mana ahli-ahli memerlukan pandangan pakar; dan
- mengadakan mesyuarat-mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya sekali, tanpa kehadiran pengarah-pengarah lain dan pekerja Syarikat, apabila difikirkan perlu.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA **Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-27 [Dua Puluh Tujuh]** akan diadakan di **Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur** pada hari **Khamis, 21 April 2011** pada jam **10.00 pagi** untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima penyata-penyata kewangan statutori bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 dan laporan-laporan pengarah serta juruaudit yang dilampirkan.

Resolusi 1

2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 115.00 sen sesaham, di bawah sistem dividen satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Resolusi 2

3. Untuk meluluskan pembayaran yuran-pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Resolusi 3

4. Untuk melantik semula pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut Tataurusan Pertubuhan Syarikat:

4.1 Di bawah Artikel 90.1

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff

Resolusi 4

4.2 Di bawah Artikel 90.1

Dato' Frits van Dijk

Resolusi 5

5. Untuk melantik semula Tetuan KPMG [No. Firma AF 0758] sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada pengarah-pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.

Resolusi 6

Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan sesuai untuk meluluskan Resolusi-Resolusi Biasa berikut:

6. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[a] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.**

"Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 22 April 2010 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[a] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011 dengan pihak-pihak berkaitan

seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma yang biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

[i] tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan ["AGM"] Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;

[ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965, [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau

[iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini."

Resolusi 7

7. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[b] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.**

“Bahawa mandat yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada 22 April 2010 mengikut perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/ atau anak-anak syarikatnya untuk menyertai urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[b] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma yang biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti, adalah diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;

- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965, [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau

- [iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urus niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini”

Resolusi 8

8. **Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[c] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.**

“Bahawa Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya adalah diberi mandat untuk menyertai urus niaga berulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[c] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan,

yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma yang biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti syarikat.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

- [i] tamatnya AGM Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;

- [ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965, [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

[iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urusan niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

Resolusi 9

9. **Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[d] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.**

“Bahawa Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya adalah diberi mandat untuk menyertai urusan niaga berulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[d] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma yang biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti syarikat.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

[i] tamatnya AGM Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;

[ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965, [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau

[iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urusan niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

Resolusi 10

10. **Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[e] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.**

“Bahawa Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya adalah diberi mandat untuk menyertai urusan niaga berulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk perolehan atau dagangan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[e] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011 dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang disebutkan, yang perlu bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan dengan terma yang tidak boleh lebih berpihak kepada pihak-pihak berkaitan berbanding dengan terma yang biasa ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan pemegang-pemegang saham minoriti syarikat.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut adalah bermula dengan kelulusan resolusi ini dan terus dilaksanakan sehingga:-

[i] tamatnya AGM Syarikat berikutan AGM akan datang di mana mandat berkenaan telah diluluskan, pada ketika ia akan tamat, kecuali mandat berkenaan diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada AGM berikutnya;

[ii] tamatnya tempoh AGM Syarikat berikutnya selepas AGM akan datang, perlu diadakan mengikut Seksyen 143[1] Akta Syarikat 1965, [tetapi tidak dilanjutkan sehingga lanjutan itu seperti yang dibenarkan mengikut Seksyen 143[2] Akta Syarikat 1965]; atau

[iii] dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham dalam satu mesyuarat agung;

yang mana lebih awal;

Bahawa pengarah-pengarah diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil tindakan-tindakan [termasuk menguatkuasakan dokumen-dokumen yang diperlukan] untuk melaksanakan urusan niaga yang dirancang dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.”

Resolusi 11

ADALAH DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA, tertakluk kepada kelulusan daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-27 [Dua Puluh Tujuh] Syarikat, dividen akhir sebanyak 115.00 sen sesaham, di bawah sistem dividen satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham pada 26 Mei 2011. Tarikh kelayakan bagi dividen tersebut adalah 12 Mei 2011.

SELANJUTNYA ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA seorang pendeposit akan layak untuk mendapatkan kelayakan hanya berhubung dengan:

- A. Saham yang dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 12 Mei 2011 bagi perpindahan biasa; dan
- B. Saham yang dibeli menerusi Bursa Malaysia Securities Berhad berasaskan kelayakan mengikut peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA
PENGARAH

MOHD. SHAH BIN HASHIM

Setiausaha Syarikat
[LS 0006824]

Petaling Jaya
28 Mac 2011

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

NOTA-NOTA:

- [i] Seseorang ahli Syarikat yang layak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat itu adalah layak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya, terdiri daripada ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149[1][b] Akta Syarikat 1965, tidak akan dikenakan ke atas Syarikat.
- [ii] Suratcara untuk melantik proksi mestilah secara bertulis oleh orang yang melantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis atau jika yang melantik adalah suatu perbadanan, sama ada dimeterai dengan cop syarikat atau dengan ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa.
- [iii] Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti [Depositori Pusat] 1991, beliau boleh melantik sekurang-kurangnya 1 [satu] proksi tetapi tidak lebih daripada 2 [dua] proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat pada jumlah yang sama seperti akaun sekuriti berkenaan.
- [iv] Penama yang diberi kuasa yang mempunyai lebih daripada 1 [satu] akaun sekuriti mesti menyerahkan suratcara proksi yang berasingan untuk setiap akaun sekuriti.

- [v] Suratcara melantik proksi dan surat kuasa atau kuasa-kuasa lain [jika ada] di bawah mana ia ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari, hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [No. Syarikat 118401-V] Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan di mana orang yang dinamakan di dalam suratcara bercadang untuk mengundi, atau dalam kes membuat undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika gagal, suratcara proksi akan dianggap tidak sah.

NOTA-NOTA PENJELASAN UNTUK URUSAN KHAS:-

Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011 yang dilampirkan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Jumlah saham yang dipegang

Saya/Kami _____ No. Kad Pengenalan: _____ [Baru] _____ [Lama]
dari _____

sebagai ahli **Nestlé [Malaysia] Berhad**, dengan ini melantik *Pengerusi mesyuarat atau _____
_____ No. Kad Pengenalan: _____ [Baru] _____ [Lama]
dari _____

atau jika beliau tidak dapat hadir, _____ No. Kad Pengenalan: _____ [Baru] _____ [Lama]
dari _____

sebagai proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang Ke-27 [Dua Puluh Tujuh] yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur Malaysia pada hari Khamis, 21 April 2011 pada jam 10.00 pagi dan pada sebarang penangguhannya. **Potong jika tidak berkenaan*

Proksi saya/kami akan mengundi dengan memangkah "X" seperti di bawah. Jika tiada arahan khusus tentang pengundian diberikan, proksi akan mengundi atau tidak mengundi atas budi bicaranya.

No.	Resolusi	Setuju	Tidak Setuju
1.	Untuk menerima penyata-penyata kewangan statutori bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 dan laporan-laporan pengarah serta juruaudit yang dilampirkan.		
2.	Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 115.00 sen sesaham, di bawah sistem dividen satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.		
3.	Untuk meluluskan pembayaran yuran-yuran pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.		
4.	Untuk melantik semula Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Bin Tengku Ariff sebagai pengarah Syarikat.		
5.	Untuk melantik semula Dato' Frits van Dijk sebagai pengarah Syarikat.		
6.	Untuk melantik semula Tetuan KPMG [No. Firma AF 0758] sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada pengarah-pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.		
7.	Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[a] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-Pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.		
8.	Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[b] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.		
9.	Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[c] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.		
10.	Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[d] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.		
11.	Cadangan Mandat Baru Pemegang-pemegang Saham Untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang Berbentuk Perolehan atau Dagangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 2.3[e] dalam Surat Pekeliling kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 28 Mac 2011.		

Bertarikh _____ haribulan _____ 2011

Disaksikan oleh: _____

Tandatangan: _____

Alamat: _____

Cop Syarikat: _____

Pekerjaan: _____

Tandatangan Pemegang Saham atau Meterai

Nota-nota:

- [i] Seseorang ahli Syarikat yang layak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat itu adalah layak melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya, terdiri daripada ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149[1][b] Akta Syarikat 1965, tidak akan dikenakan ke atas Syarikat.
- [ii] Suratcara untuk melantik proksi mestilah secara bertulis oleh orang yang melantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis atau jika yang melantik adalah suatu perbadanan, sama ada dimeterai dengan cop syarikat atau dengan ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa.
- [iii] Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti [Depositori Pusat] 1991, beliau boleh melantik sekurang-kurangnya 1 [satu] proksi tetapi tidak lebih daripada 2 [dua] proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat pada jumlah yang sama seperti akaun sekuriti berkenaan.

- [iv] Penama yang diberi kuasa yang mempunyai lebih daripada 1 [satu] akaun sekuriti mesti menyerahkan suratcara proksi yang berasingan untuk setiap akaun sekuriti.
- [v] Suratcara melantik proksi dan surat kuasa atau kuasa-kuasa lain [jika ada] di bawah mana ia ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [No. Syarikat 118401-V] Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan di mana orang yang dinamakan di dalam suratcara bercadang untuk mengundi, atau dalam kes membuat undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika gagal, suratcara proksi akan dianggap tidak sah.

Sila lipat di sini untuk digam

Tampalkan
setem

Tricor Investor Services Sdn. Bhd. [No. Syarikat 118401-V]
Tingkat 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Sila lipat di sini untuk digam

Nestlé (Malaysia) Berhad (110925-W)

22-1, Tingkat 22, Menara Surian

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Telefon : (+603) 7965 6000

Faksimili : (+603) 7965 6767

Talian Percuma Khidmat

Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433

www.nestle.com.my